PELITA BRUNEI
ڤليتا بروني
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat


MANISNYA IMAN مانيس ايمان

DARIPADA Abu Ayub al-Anshari Radiallahuanhu, ia menceritakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadan, kemudian diikuti dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, seolah-olah ia berpuasa sepanjang tahun". (Riwayat Al-Imam Muslim).

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.35 | SUBUH 4.45 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.39 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.40

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 70 BILANGAN 58 | 14 MEI 2025 / 1446 ذوالقعدة 16 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# BERKENAN MENERIMA MENGADAP PANGLIMA PASUKAN PERTAHANAN REPUBLIK DEMOKRATIK TIMOR-LESTE



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Panglima Pasukan Pertahanan Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Letnan Jenderal Domingos Raul 'Falur Rate Laek'. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (*Lihat muka 3*)**

# Berkenan hantar titah perutusan tahniah





**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 13 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP, berikutan dengan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri Australia.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP.**


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei


## Berita Utama




KOMITMEN pasukan letakkan JBP di aras kecemerlangan Muka 6





PERKUKUH kerjasama pertahanan, kongsi kepakaran tentera Muka 9





BINCANG hala tuju strategik, inisiatif pembangunan tenaga kerja Muka 11





RENCANA
IBU wajib dihormati, berbaktilah hingga akhir hayat Muka 21

PELITA BRUNEI

# Penjagaan kecemasan tonggak utama sistem penjagaan kesihatan berdaya tahan

**Bismillahir Rahmanir Rahim Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen Wasaalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil Anbiy'ae Wal Mursaleen Sayiidina Muhammadin Wa'alaa Aalihee Wasahbihi Ajama'in Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi.**

**SEGALA** puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, adalah menggembirakan dan satu keistimewaan bagi saya untuk berdiri di hadapan awda pada majlis yang penting ini, pelancaran Persatuan Penjagaan Kecemasan Brunei (Brunei Emergency Care Society - BECS). Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Presiden, Dr. Ang Swee Hui dan Jawatankuasa Eksekutif kerana menjemput saya ke acara istimewa ini dan selamat datang kepada semua.

Sebagai Menteri Kesihatan, saya berbesar hati berada di sini untuk menyaksikan kelahiran masyarakat yang memegang janji sedemikian untuk masa depan penjagaan kesihatan di negara kita. Hari ini menandakan bukan sahaja permulaan organisasi tetapi permulaan pergerakan yang memperjuangkan kerja menyelamatkan nyawa penyediaan penjagaan kecemasan dan sistem yang menyokong mereka.

Penjagaan kecemasan adalah tonggak utama dalam mana-mana sistem penjagaan kesihatan yang berdaya tahan. Ia sering menjadi titik sentuhan pertama semasa detik kritikal sama ada kes trauma, serangan jantung, kecemasan kesihatan awam atau bencana. Kualiti dan keberkesanan perkhidmatan penjagaan kecemasan, boleh menjadi penentu antara hidup dan mati.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kita bertuah kerana mempunyai Pakar Perubatan Kecemasan, Jururawat, Paramedik, dan ramai lagi yang berdedikasi yang bekerja tanpa jemu di bawah tekanan tinggi dan dalam situasi yang sensitif terhadap masa. Mereka memberi ketenangan dalam kekacauan dan tangan yang cekap ketika negara kita berada dalam saat paling genting.

Hari ini, kita mengambil langkah penting ke hadapan dalam mengiktiraf dan memperkasa bidang penjagaan kecemasan.

Penubuhan BECS merupakan inisiatif yang tepat pada masanya dan terpuji. Ia mencerminkan kematangan dan profesionalisme sektor penjagaan kesihatan kita yang semakin berkembang dan komitmen bersama terhadap kecemerlangan.

Persatuan ini diilhamkan sebagai sebuah badan profesional bebas, pelbagai disiplin merangkumi Pakar Perubatan Kecemasan, Jururawat, Paramedik serta pengamal perubatan lain yang terlibat dalam pelbagai bidang penjagaan kecemasan di NBD. Objektifnya adalah bercita-cita tinggi dan amat penting.

Daripada mempromosikan pendidikan dan latihan lanjutan, kepada meningkatkan kesedaran orang ramai tentang peranan penting yang dimainkan oleh para profesional kecemasan.

Daripada menyokong penyelidikan akademik dan pembangunan garis panduan kebangsaan, kepada membina menjalin hubungan dengan rakan antarabangsa.

Dan daripada meningkatkan komunikasi sesama pengamal, kepada memperjuangkan aktiviti kemasyarakatan dan kesiapsiagaan kecemasan.

Persatuan ini bukan sahaja memperjuangkan kepentingan ahli-ahlinya, ia sedang membina asas untuk Brunei yang lebih selamat dan lebih bersedia.

Bagi pihak Kementerian Kesihatan, saya ingin menyatakan sokongan penuh kami kepada BECS.

Matlamat BECS sejajar dengan strategi kesihatan negara kita khususnya dalam memperkukuh kesiapsiagaan kecemasan, membangunkan tenaga kerja penjagaan kesihatan berkemahiran tinggi dan memastikan penyediaan penjagaan berkualiti tinggi dan berpusatkan pesakit.

Kami komited untuk bekerjasama rapat dengan BECS untuk membangunkan rangka kerja yang akan memperkasa penyedia penjagaan kecemasan, menggalakkan inovasi dan meningkatkan standard klinikal agar setanding dengan amalan terbaik antarabangsa.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada ahli Pengasas BECS dan semua yangbekerja di belakang tabir untuk merealisasikan visi ini. Kepimpinan dan dedikasi awda amat dihargai.

Kepada profesional penjagaan kecemasan sama ada awda berada di barisan hadapan di Jabatan Kecemasan di lapangan bersama perkhidmatan ambulans atau sistem sokongan dan latihan, kami menghormati komitmen awda yang tidak berbelah bahagi dalam usaha menyelamatkan nyawa.

Apabila kita melihat masa depan, kita mesti kekal teguh dalam misi bersama untuk membina sistem penjagaan kecemasan yang kukuh dan bersepadu yang bersedia untuk menghadapi cabaran masa kini dan cukup berdaya tahan untuk menghadapi cabaran hari esok.

Biarlah persatuan baharu ini menjadi platform untuk kerjasama, pertumbuhan dan advokasi satu suara penyatuan yang mewakili penjagaan kecemasan terbaik di Negara Brunei Darussalam.

Bersama-sama, marilah kita berusaha ke arah satu sistem penjagaan kesihatan di mana setiap kecemasan dihadapi dengan kesiapsiagaan, setiap pengamal diberi kuasa, dan setiap kehidupan dihargai.

Adalah menjadi penghormatan dan sukacita untuk saya hadir dan menjadi sebahagian daripada detik bersejarah ini, sempena pelancaran BECS.

Semoga persatuan ini berkembang maju, dan semoga ia membawa transformasi positif dalam penjagaan kecemasan untuk generasi akan datang.

Terima kasih. *Wabilahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada pelancaran Persatuan Penjagaan Kecemasan Brunei (Brunei Emergency Care Society - BECS) pada 27 April 2025 di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan**

## WAKTU SEMBAHYANG

| MEI MASIHI | HARI | ZULKAEDAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 14 | RABU | 16 | 4.35 | 4.45 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.39 | 6.27 | 7.40 |
| 15 | KHAMIS | 17 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.39 | 6.27 | 7.40 |
| 16 | JUMAAT | 18 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 17 | SABTU | 19 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 18 | AHAD | 20 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 19 | ISNIN | 21 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 20 | SELASA | 22 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.41 | 6.27 | 7.41 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 34 / 25 °C | 33 / 25 °C | 33 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 33 / 25 °C | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 34 / 25 °C | 33 / 24 °C | 33 / 24 °C |
| Kuala Belait | 33 / 25 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

14 MEI 2025

### Bidang kejururawatan, perbidanan profesion yang sangat mulia

**BIDANG** kejururawatan dan perbidanan merupakan tulang belakang kepada penjagaan kesihatan dan adalah satu profesion yang sangat mulia yang perlu kita lindungi, hormati dan hargai. Peredaran modenisasi yang serba canggih pada masa ini, memerlukan semua jururawat dan bidan untuk menjadi lebih dinamik, berkembang maju bermula daripada penjagaan asas sehingga mengeksploitasi ke peringkat yang lebih tinggi, lebih teknikal dan inovatif.

Perkara tersebut antara yang disentuh dalam perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa atau International Nursing and Midwifery Day (INMD) yang disambut setiap 12 Mei 2025.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi, secara global, tenaga kerja kejururawatan berada di tengah-tengah krisis, iaitu kekurangan kakitangan kronik, keadaan kerja yang tidak selamat, dan gaji yang tidak mencukupi yang menjadi penyebab kemelut seperti keletihan, kemerosotan kualiti kerja dan penghijrahan profesional ke persekitaran kerja yang lebih selesa. Fenomena ini memberikan implikasi yang sangat mendalam pada sistem kesihatan awam, ekonomi dan masa depan penjagaan kesihatan.

"Sempena Hari Jururawat Antarabangsa ini, penggubal dasar perlulah mengambil langkah yang tegas untuk membina dan mengoptimumkan tenaga kerja kejururawatan yang berkekalan, kuat dan mampan," tambah Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa pada tahun ini menyerlahkan kepentingan strategik untuk mengiktiraf, menyokong dan melabur kepada jururawat-jururawat dan bidan-bidan. Mereka ini bukan sahaja dianggap sebagai penyedia penjagaan kesihatan tetapi sebagai ejen utama kepada daya tahan ekonomi, pembangunan negara dan kemajuan sosial.

Tema bagi Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa pada tahun ini disediakan oleh International Council of Nurses (ICN) iaitu 'Jururawat Kami. Masa Depan Kita. Menjaga Jururawat Mengukuhkan Ekonomi' (Our Nurses. Our Future. Caring for Nurses Strengthens Economies).

Tema ini menekankan tentang peranan penting yang dimainkan oleh tenaga kerja kejururawatan yang sihat dalam mengukuhkan ekonomi, meningkatkan sistem kesihatan dan memastikan hasil yang lebih baik untuk komuniti di seluruh dunia. Manakala tema Hari Perbidanan pada tahun ini adalah 'Bidan : Kritikal Dalam Setiap Krisis' (Midwives : Critical in Every Crisis). **- Ketua Penyuntingan (Hs)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوليه جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Sengdavanh Vongsay yang akan menamatkan perkhidmatan (atas, atas kiri dan bawah kiri).**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 13 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Sengdavanh Vongsay yang akan menamatkan perkhidmatan.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Puan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2022.

# Berkenan menerima mengadap Panglima Pasukan Pertahanan Republik Demokratik Timor-Leste





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Panglima Pasukan Pertahanan Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Letnan Jenderal Domingos Raul 'Falur Rate Laek' (atas dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 13 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan menerima mengadap Panglima Pasukan Pertahanan Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Letnan Jenderal Domingos Raul 'Falur Rate Laek' yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Menyertai Tuan Yang Terutama pada Majlis Mengadap tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Abel Guterres.

NBD dan Republik Demokratik Timor-Leste telah menjalinkan hubungan diplomatik dua hala yang mesra dan harmoni, berlandaskan prinsip saling menghormati serta aspirasi serantau yang seiring.

Hubungan diplomatik di antara kedua-dua buah negara telah dimeterai secara rasmi pada 20 Mei 2002.

Meskipun kerjasama dalam bidang pertahanan masih pada skala yang agak sederhana, kedua-dua negara terus mengekalkan penglibatan yang membina, terutamanya menerusi platform pelbagai hala seperti Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Lawatan ini merupakan lawatan pertama Tuan Yang Terutama Letnan Jenderal Domingos Raul 'Falur Rate Laek' ke NBD sejak beliau dilantik menjadi Panglima Pasukan Pertahanan Republik Demokratik Timor-Leste pada 2 Februari 2022.

Tuan Yang Terutama berserta rombongan berada di NBD bagi Lawatan Rasmi selama empat hari bermula 12 Mei hingga 15 Mei 2025.

# KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman





**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 13 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Puan Rosa Maria Quintão, isteri Panglima Pasukan Pertahanan Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Letnan Jenderal Domingos Raul 'Falur Rate Laek'.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Puan Rosa Maria Quintão, isteri Panglima Pasukan Pertahanan Republik Demokratik Timor-Leste (kiri dan kiri sekali).**

# Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Jururawat, Bidan Antarabangsa

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 12 Mei. - Kementerian Kesihatan petang tadi mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat dan Fardu Asar Berjemaah, Tahlil serta Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa Tahun 2025 Masihi / 1446 Hijrah.

Majlis diadakan di Surau Nuurul Inayah', Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin serta Tahlil.

Doa Khas sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa dibacakan oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital RIPAS, Awang Ahmad Syujaie bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Majlis diakhiri dengan penyampaian empat unit kipas angin yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Hospital RIPAS, Awang Haji Abdol Hazis bin Haji Ahad.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Muhammad Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.





**YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat dan Fardu Asar Berjemaah, Tahlil serta Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa Tahun 2025 Masihi / 1446 Hijrah (kanan). Manakala gambar kanan sekali, antara yang turut hadir pada majlis tersebut.**



# DOA SELAMAT BAGI MERAIKAN BAKAL JEMAAH HAJI

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman







**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sumbangan derma kepada bakal jemaah haji (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 12 Mei. - Para bakal jemaah haji adalah merupakan tetamu Allah, kerana perjalanan yang akan mereka tempuhi bukan perjalanan biasa, melainkan perjalanan ibadah memenuhi panggilan Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyempurnakan Rukun Islam yang kelima.

Maka daripada itu, para bakal jemaah haji perlu mempersiapkan diri mereka sebelum memulakan perjalanan dan persiapan diri yang diperlukan, merangkumi daripada segi ilmu pengetahuan, kesihatan jasmani dan rohani serta latihan diri memperbanyakkan amal ibadah dan berdoa.

Demikian merupakan isi ceramah bertajuk 'Lambaian Haji' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin pada Majlis Doa Selamat kepada bakal-bakal haji Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya yang berlangsung di Dewan Teater, bangunan kementerian berkenaan, petang tadi.

Pengiran Ahmad Faris Ramadhani dalam ceramah seterusnya menggariskan Allah Subhanahu Wata'ala memberikan beberapa keistimewaan dan kemuliaan kepada hamba-hamba-Nya yang menunaikan ibadah haji.

"Di antaranya adalah amal ibadah yang dilipatgandakan ganjaran pahalanya, pengampunan dosa dan kemuncaknya adalah syurga yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala.

"Manakala setelah pulang ke tanah air, para jemaah perlu menjaga diri mereka agar sentiasa dalam keadaan yang baik, menjadi hamba Allah yang jauh lebih baik daripada sebelumnya sehingga dijemput menghadap Allah Subhanahu Wata'ala," tambahnya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Terlebih dahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan penyampaian sumbangan derma kepada 10 bakal jemaah haji, yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis keagamaan seumpamanya adalah merupakan aktiviti tahunan kementerian berkenaan bagi meraikan pegawai dan kakitangan yang akan mengerjakan ibadah haji pada tahun ini di samping mengeratkan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan.

Pada tahun ini, majlis dikendalikan oleh Bahagian Belanjawan, Pejabat Belanjawan dan Rancangan Kemajuan Negara.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya termasuk pegawai dan kakitangan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

# Perusahaan tempatan terima anugerah berprestij

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman






**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian anugerah kepada para pemenang (atas dan kiri).**

**JERUDONG**, Isnin, 12 Mei. - Anugerah Proudly Brunei Business Award (PBBA) 2025 dengan tema 'Collaborate for Growth, Innovate for Success' meraikan perusahaan tempatan cemerlang yang menunjukkan prestasi luar biasa, inovasi dan daya tahan dalam industri masing-masing.

Tema tersebut menekankan peranan penting kerjasama dan strategi berfikiran ke hadapan dalam membina masa depan ekonomi negara yang mampan. Anugerah berkenaan berlangsung di Royal Berkshire, Jerudong Park and Polo Country Club, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian anugerah kepada para pemenang ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah juga selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Daniel Leong menyatakan "PBBA adalah lebih daripada satu perayaan, ia adalah platform untuk memberi inspirasi dan memperkasakan perniagaan tempatan untuk memimpin dengan tujuan, daya tahan dan inovasi. BEDB kekal komited untuk membina ekosistem di mana perusahaan Brunei boleh berkembang maju dan membentuk masa depan ekonomi".

Anugerah dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu Kategori Terbuka di mana Poni Marine menerima anugerah bagi Pertumbuhan Perniagaan, Fatih Aquaculture bagi Startup, WeddingLoka Company bagi Keusahawanan Belia dan Beauteleven Company bagi Keusahawanan Wanita.

Manakala itu, di bawah Kategori Kluster Priority, Taurean Bakeshop and Café menerima anugerah bagi makanan, WeddingLoka Company bagi Perkhidmatan dan Kommunihub Co. bagi Pelancongan.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh para penaja, rakan-rakan kongsi, termasuk syarikat terkemuka seperti Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Baiduri Bank Berhad, Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN), Syarikat Penerbangan Diraja Brunei Sdn. Bhd. (RB), Dynamik Technologies Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd., Brunei LNG Sdn. Bhd., Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Universiti Brunei Darussalam, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd.

Dianjurkan setiap tahun melalui Pembangunan Perusahaan DARe, BEDB, PBBA berfungsi sebagai platform kebangsaan untuk mengiktiraf dan menghargai pencapaian perniagaan tempatan yang paling menjanjikan dan memberi impak. Perniagaan tempatan digalakkan untuk mengambil bahagian dan mengemukakan pencalonan setiap tahun, menjadikan PBBA sebagai perayaan inklusif bagi perusahaan, kecemerlangan dan semangat keusahawanan.

Perniagaan yang menyertai PBBA mendapat keterlihatan yang berharga, kredibiliti yang dipertingkatkan dan pengiktirafan awam yang lebih besar. Pemenang dan finalis mendapat manfaat daripada peningkatan pendedahan, peluang rangkaian dengan pemegang kepentingan utama dan kepercayaan yang diperkukuh di kalangan pelanggan, pelabur dan rakan kongsi.

Anugerah itu juga berfungsi sebagai penanda aras yang memotivasikan, menggalakkan perniagaan untuk meneruskan peningkatan berterusan, inovasi dan pertumbuhan jangka panjang.

Di teras PBBA ini adalah satu proses penilaian yang teliti dan telus, melibatkan pakar bidang daripada agensi kerajaan dan organisasi yang berkaitan, dengan PwC dilantik sebagai Knowledge Partner untuk bertindak sebagai juruaudit.

Pandangan dan kepakaran mereka memastikan setiap pemohon dinilai secara adil dan diiktiraf atas sumbangan cemerlang mereka. Komitmen terhadap keadilan, kecemerlangan dan integriti ini menggariskan dedikasi BEDB untuk meraikan yang terbaik daripada perusahaan tempatan.

فليتا بروني PELITA BRUNEI

# KOMITMEN PASUKAN LETAKKAN JBP DI ARAS KECEMERLANGAN

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berucap pada Upacara Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Ke-65 bagi Tahun 2025.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 13 Mei. - 65 tahun menandakan satu perjalanan yang cukup panjang yang telah dilalui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Sejak penubuhannya pada tahun 1960 yang mana pada mulanya hanyalah sebagai sebuah unit kecil di bawah Pasukan Polis, kini telah berkembang menjadi sebuah jabatan dan sebagai institusi keselamatan awam yang lengkap dengan unit-unit kepakaran seperti Pasukan Mencari dan Menyelamat, Unit Penyelam dan Unit Hazmat.

Sambutan ini bukan sekadar mengenang sejarah tetapi juga menjadi asas untuk bermuhasabah diri untuk memperbaharui iltizam dalam mengurangkan risiko kebakaran serta bertindak secara profesional dalam apa jua situasi kecemasan.

Upacara Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan JBP Ke-65 bagi Tahun 2025 yang juga sekali gus kita turut memperingati Hari Bomba Sedunia (World Firefighters' Day), yang disambut setiap 4 Mei sebagai simbol pengiktirafan global terhadap komitmen dan pengorbanan anggota bomba dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab mereka yang mulia.

Pada upacara berlangsung di Padang Kawad Ibu Pejabat JBP, Landasan Lama, Berakas hari ini, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dalam ucapannya berkata bahawa tidak dinafikan, tugas yang digalas oleh JBP adalah semakin hari semakin mencabar. Mereka meletakkan diri mereka dalam pelbagai situasi yang amat kompleks dan berisiko tinggi demi menyelamatkan nyawa dan harta benda.

Menurut Yang Berhormat, kesungguhan pasukan bomba dan penyelamat dalam mengendalikan kes-kes kecemasan seperti kemalangan, kebakaran dan bencana alam adalah antara simbol keberanian yang ada dalam jiwa setiap ahli bomba dan penyelamat.

Selain itu, tegasnya, peranan Pasukan Bomba dan Penyelamat ini juga adalah selaras dengan prinsip Maqasid Syariah, yang merangkumi lima objektif utama, antaranya memelihara nyawa, harta benda, di samping pemeliharaan agama, akal dan keturunan.

"Jasa anggota-anggota bomba sewajarnya dihargai, justeru itu, peramba, saya di kesempatan ini sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga JBP atas pengorbanan demi menjamin keselamatan masyarakat dan negara tanpa mengira masa dan keadaan.

"Peramba, saya juga berdoa semoga seluruh warga JBP sentiasa berada dalam perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala serta dijauhkan daripada segala bentuk bencana dan musibah," kata Yang Berhormat lagi.

Bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan JBP Ke-65 Tahun, marilah kita sama-sama merafakkan doa agar seluruh pegawai dan anggota JBP akan terus diberi kekuatan, kesihatan dan petunjuk dalam melaksanakan amanah yang dipikul demi keselamatan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat menekankan, usaha untuk meletakkan JBP di aras kecemerlangan memerlukan komitmen menyeluruh daripada setiap anggota dengan semangat persefahaman dan kesetiaan yang kukuh sebagai satu pasukan.

Sikap profesionalisme, ketabahan, integriti dan disiplin yang tinggi perlu sentiasa diterapkan agar jabatan ini akan terus unggul sebagai barisan hadapan yang diyakini rakyat dan negara.

"Peramba, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JBP atas jasa bakti yang dicurahkan tanpa mengenal penat lelah. Semoga JBP akan terus maju jaya dan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua," ujar Yang Berhormat.

# Kemas kini, perbaharui strategi mitigasi JBP

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 13 Mei. - Cabaran keselamatan awam hari ini adalah semakin kompleks, terutamanya dengan impak perubahan iklim yang menyebabkan meningkatnya risiko kebakaran hutan dan belukar, kejadian banjir, tanah runtuh, angin kencang dan bencana alam yang lainnya.

Insiden kebakaran besar yang berlaku di luar negara hendaklah dijadikan peringatan jelas betapa pentingnya kesiapsiagaan pasukan khasnya dan negara amnya dalam memastikan sebarang insiden dapat ditangani dengan segera bagi mengurangkan impak bukan sahaja kepada nyawa akan tetapi kepada harta benda.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman pada Upacara Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Ke-65 bagi Tahun 2025 di Padang Kawad Ibu Pejabat JBP, Landasan Lama, Berakas, hari ini.

Yang Berhormat menyeru agar JBP terus mengemas kini dan memperbaharui strategi mitigasi dalam memperkukuhkan lagi tindakan pencegahan khususnya di kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi, dengan sokongan dan kerjasama erat antara agensi yang berkaitan.

Negara Brunei Darussalam adalah tidak terkecuali daripada risiko bencana geologi. Kejadian gempa bumi di Semenanjung Zamboanga, Filipina pada bulan Julai tahun lalu, yang mencatatkan gegaran 6.4 skala Richter, turut dirasai di 13 lokasi berasingan di negara kita. Manakala kejadian terbaharu gempa bumi di Myanmar, dengan magnitud 7.9 skala Richter telah menyebabkan kemusnahan besar di kawasan berhampiran, termasuk di bandar raya Bangkok.

Peristiwa-peristiwa itu menurut Yang Berhormat wajar dijadikan iktibar agar kita sentiasa bersiap sedia dalam menghadapi kemungkinan.

"Sehubungan itu, peramba, saya amat menyokong usaha jabatan untuk memperkasakan skuad khasnya bagi menangani insiden bencana dalam apa jua skalanya.

"Bersempena dengan ulang tahun pada tahun ini, adalah satu detik yang amat bermakna apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi penjenamaan semula Skuad Khas JBP untuk dikenali sebagai SATREA iaitu singkatan daripada Special Technical Rescue Assistant," ujarnya.

Pasukan itu jelasnya, dirancang untuk dinaik taraf sebagai Pasukan Technical Rescue selaras dengan piawaian National Fire Protection Association (NFPA) dan merupakan sebagai langkah awal ke arah melengkapkan pasukan ini dengan keupayaan Urban Search and Rescue (USAR).

Usaha ini juga, tambahnya, bertujuan untuk memperoleh pengiktirafan di peringkat antarabangsa iaitu International Search and Rescue Advisory Group (INSARAG). Dengan pencapaian ini, pasukan kita akan mampu "berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah" dengan pasukan-pasukan bomba elit dari negara jiran seperti Disaster Assistance and Rescue Team (DART) dari Singapura dan Special Tactical Operation and Rescue Team (STORM) dari Malaysia.

Kerjasama serantau juga turut diperkukuhkan melalui latihan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, iaitu sebagai lanjutan kepada Table-Top Exercise yang telah berjaya dilaksanakan pada Januari 2024 yang lalu. Seiring dengan Memorandum Persefahaman di antara Agensi Pengurusan Bencana Negara Malaysia (NADMA) dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), perbincangan antara kedua-dua agensi masih giat dijalankan, khususnya dalam memantapkan lagi prosedur operasi standard bagi penggerakan bantuan kecemasan merentas sempadan.

Ini termasuk perancangan bagi melaksanakan latihan bersama di peringkat Command Post Exercise (CPX) dan Field Training Exercise (FTX) yang dijadualkan dalam tahun 2025 ini.

# Pastikan kesiapsiagaan, perancangan operasi kebombaan cepat, berkesan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 13 Mei. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menyatakan bahawa untuk memastikan kesiapsiagaan operasi sentiasa berada di tahap yang optimum, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), insyaAllah bermula Oktober ini akan menerima 10 buah jentera jenis Water Tender Ladder (WRL) daripada 30 buah jentera melalui kontrak pajakan sewa selama 20 tahun bersama syarikat tempatan.

Selain itu, empat buah Light Fire Attack Vehicle (LFAV) juga akan dibekalkan menjelang tahun 2026 di mana projek ini adalah di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.

"Perolehan-perolehan ini adalah sangat signifikan dalam mempertingkat keupayaan JBP untuk bertindak pantas, khususnya di kawasan yang mencabar daripada segi akses," jelasnya semasa berucap hari ini pada Upacara Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan JBP Ke-65 bagi Tahun 2025 bertempat di Padang Kawad Ibu Pejabat JBP, Landasan Lama, Berakas, di sini.

Yang Berhormat melahirkan penghargaan akan komitmen JBP dalam melaksanakan secara berperingkat pembaikan dan penggantian ke atas lebih kurang 700 pili bomba di seluruh negara. Pada tahun 2024, sebanyak 350 pili bomba telah dibuat pembaikan dan penggantian dan insyaAllah, pada tahun ini akan dibuat pembaikan dan penggantian lagi ke atas 350 pili bomba yang turut merangkumi kawasan Kampong Ayer.

Selain penggantian fizikal, projek ini juga katanya, merangkumi pendaftaran dan pendigitalan maklumat semua pili bomba melalui sistem *tagging*, bagi membolehkan lokasi setiap pili dikenal pasti dengan lebih cepat dan tepat.

"InsyaAllah, dengan terlaksananya penambahbaikan infrastruktur ini juga, ia diharap akan dapat memastikan kesiapsiagaan dan perancangan operasi kebombaan yang cepat dan berkesan dalam menangani sebarang insiden kebakaran," ujarnya.

Yang Berhormat turut menyambut baik penggunaan teknologi pintar dan kos efektif seperti dron dalam operasi kecemasan. Keupayaan untuk melakukan penstriman langsung (*live streaming*), pencahayaan dari udara dan penghantaran peralatan ringan ke kawasan terpencil adalah sangat penting dalam memastikan operasi lebih selamat dan berkesan.

Cadangan memperkenalkan sistem pengesanan anggota melalui Breathing Apparatus Tracking serta penggunaan kamera badan juga adalah langkah progresif dan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

"Di samping keupayaan aset, kekuatan jabatan juga terletak pada tahap kecekapan profesionalisme dan integriti yang tinggi yang ada pada anggotanya. Peramba, saya menyambut baik mengenai pelaksanaan Kerangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia (HRCF), JBP yang bertujuan untuk menilai dan membangunkan kemahiran keanggotaan secara sistematik. JBP juga telah memulakan langkah awal dalam membudayakan kemahiran digital dalam kalangan pegawai dan anggotanya.

"Inisiatif ini diperkasa dengan penubuhan bilik kelas komputer khas yang mula beroperasi sejak 22 Oktober 2024. Sehingga kini, seramai 357 anggota telah mengikuti pelbagai bengkel dan kursus yang dikendalikan sepenuhnya oleh pegawai dari JBP dan ini mencerminkan komitmen dalam meningkatkan keupayaan asas ICT dan sebagainya," katanya lagi.



**ANTARA yang hadir pada Upacara Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan JBP Ke-65 bagi Tahun 2025.**

Yang Berhormat juga menyambut baik usaha kerjasama antara JBP dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam mempertingkatkan latihan jasmani anggota melalui penglibatan anggota dari Physical Training Instructor (PTI).

Menurutnya, inisiatif itu amat penting dalam memastikan tahap kesiapsiagaan, kecergasan fizikal dan ketahanan mental anggota sentiasa berada pada tahap terbaik selaras dengan keperluan tugas yang mencabar, terutamanya semasa melaksanakan operasi berskala besar dan berpanjangan.

>> Muka 7

# PERANAN JBP BANTU MASYARAKAT TANGANI KECEMASAN, BANTUAN

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 13 Mei. - Keperluan terhadap perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) hakikatnya adalah semakin meningkat dan mencabar berikutan perangkaan menunjukkan peningkatan 11.5 peratus berkenaan dengan panggilan kecemasan pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya iaitu melebihi 6,000 panggilan, dengan sebahagian besarnya melibatkan operasi menyelamat.

Pada suku pertama tahun 2025 sahaja, 1,222 panggilan telah direkodkan dan ini mencerminkan betapa pentingnya peranan JBP dalam membantu masyarakat menangani pelbagai jenis kecemasan dan bantuan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menekankan demikian pada Upacara Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan JBP Ke-65 bagi Tahun 2025 hari ini ini.

Pada upacara bertempat di Padang Kawad Ibu Pejabat JBP, Landasan Lama, Berakas di sini, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa dalam aspek pencegahan pula, jumlah Pemeriksaan Keselamatan Kebakaran telah menunjukkan peningkatan daripada segi kadar pematuhan iaitu sebanyak 11 peratus dari tahun 2021 hingga 2024.

Sepanjang tempoh tersebut, kata Yang Berhormat, lebih 3,500 buah bangunan telah diperiksa, melibatkan sektor awam dan swasta. Pada tahun 2024 sahaja, sebanyak 307 daripada 338 bangunan telah diperakui selamat.

"Dengan penguatkuasaan berterusan di bawah Fire Safety Act dan pelaksanaan garis panduan yang kukuh, JBP telah berjaya meningkatkan tahap kesedaran dan tanggungjawab pemilik bangunan terhadap keselamatan kebakaran.

"Di samping itu, pencapaian kadar masa tindak balas Bahagian Operasi sejak tahun 2021 adalah sebanyak 83 peratus dan ini menunjukkan tahap kecekapan dan profesionalisme yang tinggi dalam kalangan anggotanya," ujarnya.

Dalam aspek kesedaran masyarakat, Yang Berhormat menyambut baik kerjasama JBP dengan Radio Televisyen Brunei dalam penerbitan rancangan 'Wira Bomba 995' yang akan disiarkan pada bulan Julai ini. Rancangan itu yang mengandungi 13 episod, bukan sahaja memperkenalkan masyarakat kepada dunia kebombaan tetapi juga untuk menyampaikan mesej pentingnya menjaga keselamatan nyawa dan harta benda.

Selain pendekatan melalui media penyiaran, tambahnya, usaha memperluas kesedaran keselamatan turut diteruskan di peringkat komuniti akar umbi.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

Antara inisiatif penting adalah program kesedaran yang dirangka untuk mempersiapkan masyarakat kampung sebagai *first responder* dalam menghadapi sebarang insiden kebakaran.

Melalui program ini, menurutnya lagi, peralatan pemadam api telah disediakan dan ditempatkan di bawah jagaan Ketua-ketua Kampung dan Penghulu-penghulu Mukim, bagi membolehkan tindakan awal dapat diambil dengan lebih pantas dan berkesan. Penduduk kampung serta pemimpin akar umbi turut diberikan latihan melalui Kursus Lifesaver 995, meliputi pengetahuan asas kecemasan serta kemahiran memadam kebakaran, termasuk penggunaan peralatan pemadaman.

Sepanjang tahun 2024 sahaja, sebanyak 50 sesi program keselamatan kebakaran telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan 35 buah kampung di seluruh negara. Sebanyak 15 kampung juga telah menerima sijil penghargaan serta sumbangan peralatan pemadam kebakaran seperti hos, *nozzle* dan *key & bar* sebagai pengiktirafan.

"Di dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan anggota jabatan terus terpelihara, peramba, saya turut menyambut baik langkah JBP menandatangani kontrak penyambungan insurans bersama Takaful Brunei Sendirian Berhad bagi tempoh tiga tahun lagi.

"Pelan perlindungan yang diperbaharui ini merangkumi manfaat yang lebih komprehensif, termasuk perlindungan terhadap kecederaan dan kematian, sejajar dengan risiko kerja yang tinggi dalam profesion kebombaan," kata Yang Berhormat lagi.

## JBP raikan Ulang Tahun Ke-65

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 13 Mei. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) kini sudah mencapai usia penubuhannya yang ke-65 dan meraikannya dengan Majlis Perbarisan Kawalan Kehormatan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun JBP hari ini dan sekali gus memperingati Hari Bomba Sedunia (World Firefighters' Day), yang disambut setiap 4 Mei sebagai simbol pengiktirafan global terhadap komitmen dan pengorbanan anggota bomba dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab mereka yang mulia.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berlangsung di Padang Kawad Ibu Pejabat JBP, Landasan Lama, Berakas hari ini ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Sejurus ketibaan tetamu kehormat, majlis dimulakan dengan Hormat Panglima daripada Perbarisan Kawalan Kehormatan seramai 63 orang keanggotaan yang diketuai oleh Penolong Penguasa Bomba dan Penyelamat, Pengiran Haji Ali Abdul Rahman bin Pengiran Haji Halus dan seterusnya pemeriksaan perbarisan Kawalan Kehormatan Keanggotaan JBP.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Balai, Ishraqi bin Haji Sidup.

Selepas acara perbarisan, beberapa Persembahan Padang daripada Pasukan Bomba dan Penyelamat telah dipertunjukkan yang mana persembahan yang menonjol adalah daripada Pasukan SATREA yang mempersembahkan kepakaran anggotanya dalam menangani situasi kecemasan melalui satu senario kejadian bangunan dua tingkat runtuh di tapak pembinaan akibat gegaran yang kuat.

Manakala Pasukan SATREA seramai 12 anggota diketuai oleh Pegawai Balai, Abdul Azim bin Haji Tuah dikerahkan untuk menyelamatkan mangsa menggunakan *patient packaging* dan diturunkan menggunakan kaedah *high angle rope rescue*.

Selain itu, Persembahan Khas daripada Unit Jurulatih Jasmani, JBP juga mendapat perhatian apabila pasukan berkenaan mempertontonkan kecekapan *body combat* yang mana pasukan ini telah dilatih dan mendapat pengiktirafan jurulatih dari Akademi Pertahanan Awam Singapura dan Pusat Optima Kecergasan Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyaksikan pameran.

Yang Berhormat seterusnya berkesempatan menyaksikan pameran-pameran dari Bahagian Komunikasi Korporat, Bahagian Tenaga Manusia, Perancangan dan Latihan di Dewan Serbaguna JBP.

Bahagian Komunikasi Korporat dulunya dikenali sebagai Bahagian Perhubungan Awam kini dinaik taraf nama sebagai Bahagian Komunikasi Korporat sesuai dengan peredaran masa dan membantu jabatan membina imej yang positif dan membina hubungan dengan pihak berkepentingan. Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyampaikan program-program jangkauan masyarakat (*community outreach*) seperti Lifesaver 995, Fire Marshal, Fire Drill, Taklimat Keselamatan Kebakaran dan lawatan ke balai-balai.

Selain itu, beberapa agensi yang berkepentingan seperti Bahagian Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang, Bomba Shell Petroleum Sendirian Berhad dan Bomba Hengyi Industries Sendirian Berhad turut diundang bagi mempamerkan peralatan dan perkakas kebombaan.

Syarikat swasta iaitu Network Integrity Assurance Technologies Sendirian Berhad, PAR Corporation Sendirian Berhad dan Takaful Brunei turun mempamerkan peralatan dan perkhidmatan kepada para jemputan dan pengunjung. Orang ramai adalah dialu-alukan hadir bagi sama-sama menyaksikan pameran dan mengikuti *mini games* yang dianjurkan selama satu hari.

Majlis turut diserikan dengan tayangan *trailer* rancangan 'Wira Bomba 995' yang mana rancangan ini adalah rancangan yang julung kalinya pernah difilemkan.

Rancangan tersebut merupakan kolaborasi antara JBP dan Radio Televisyen Brunei dan akan disiarkan pada bulan Julai 2025 ini nanti.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap,



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memeriksa Kawalan Kehormatan Keanggotaan JBP.**

Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri termasuk pegawai kanan dan anggota JBP.

>> Muka 6

"Peramba, saya turut dimaklumkan bahawa JBP sedang merancang untuk melaksanakan dua latihan besar yang akan melibatkan pelbagai agensi iaitu Eksesais Gerak Sepadu di Kampong Ayer yang dijadualkan pada bulan Jun nanti dan Eksesais Permata Hijau di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien pada bulan September. Latihan ini adalah penting bagi menyelaras segala tindakan serta menguji kecekapan operasi dalaman JBP dan kerjasama rentas agensi dalam menghadapi situasi kecemasan sebenar.

"Peramba, saya mengalu-alukan usaha JBP ke arah menguji tahap kesiapsiagaan dan yang lebih penting, keberkesanan koordinasi antara agensi dalam melaksanakan operasi kecemasan, sebelum dan selepas sesuatu insiden berlaku. Latihan seperti ini amat penting kerana ia melibatkan pelbagai agensi dan sekali gus membolehkan pelaksanaan respons yang lebih tersusun, seragam dan berkesan," tambahnya lagi.

Sehubungan itu, Yang Berhormat amat yakin bahawa kerjasama yang sedia terjalin antara agensi-agensi, khususnya agensi-agensi kebombaan, sama ada dari sektor kerajaan mahupun swasta, akan terus memperkukuh keupayaan tindak balas dan koordinasi bantuan kecemasan negara.

Antara agensi yang dimaksudkan termasuk Markas Khidmat Bomba dan Keselamatan Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bomba Shell Petroleum Company Sdn. Bhd., Bomba Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jabatan Penerbangan Awam serta Bomba Hengyi Industries Sendirian Berhad.

Inisiatif ini tegasnya, adalah sejajar dengan pendekatan Whole of Nation, yang menekankan sinergi semua pihak dalam mendukung keselamatan awam negara.

Ucapan terima kasih kepada semua agensi kebombaan yang berkenaan atas sokongan dan sumbangan dalam membantu menangani sebarang insiden bencana di negara ini.

# PUPUK PERPADUAN SOSIAL DEMI PEMBANGUNAN, KESEJAHTERAAN NEGARA



**YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa berucap.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 13 Mei. - Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global (3G) membawa makna yang mendalam bagi Negara Brunei Darussalam kerana ia mencerminkan prinsip-prinsip yang amat dihargai; integriti, kebertanggungjawaban serta komitmen terhadap pembangunan mampan dan inklusif.

Berucap semasa Anugerah 3G, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos menjelaskan, nilai-nilai yang diraikan melalui anugerah tersebut iaitu tadbir urus yang baik adalah teras kepada perjalanan pembangunan negara kita dan menjadi asas dalam usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

"Ia membimbing usaha kita untuk memacu inovasi, memperkukuh sektor awam dan memupuk perpaduan sosial demi pembangunan dan kesejahteraan negara," ujar Yang Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM pada acara yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah petang tadi.

Menurut Yang Mulia Dato, tadbir urus yang baik bukan sekadar prinsip panduan, ia adalah asas kepada kemajuan yang lestari dan inklusif.

Yang Mulia Dato menambah, nilai-nilai itu juga selaras dengan prinsip Maqasid Syariah yang menekankan tadbir urus beretika demi melindungi kepentingan awam (*maslahah*) untuk memajukan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat.

"Dengan menegakkan ketelusan dan tanggungjawab sosial, kita dapat meningkatkan kepercayaan awam dan menyumbang kepada pembangunan yang seimbang dan mampan, sejajar dengan objektif utama syariah," ujar Yang Mulia Dato lagi.

Terdahulu, Yang Mulia Dato menjelaskan, dalam tempoh sedekad yang lalu, Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global, yang dikenali sebagai Anugerah 3G, telah menjadi platform untuk mengiktiraf individu dan organisasi yang mempamerkan kepimpinan cemerlang serta komitmen teguh terhadap impak positif.

Menurut Yang Mulia Dato, anugerah tersebut bukan sekadar bersifat *ceremonial*; ia mengiktiraf pilihan yang dipertimbangkan, usaha berterusan dan kepimpinan yang menyumbang kepada kemajuan sebenar dan dapat dinilai.

Tema anugerah tahun ini jelas Yang Mulia Dato lagi, 'Transformative Governance for Health, Environment, and Community Sustainability', menekankan keperluan mendesak terhadap kepimpinan yang bertanggungjawab dan berpandangan jauh.

"Ia mengingatkan kita bahawa tadbir urus yang baik bukan hanya mengenai institusi dan dasar tetapi tentang hasil yang dicapai: masyarakat yang lebih sihat, alam sekitar yang terpelihara, dan komuniti yang berdaya tahan," ujar Yang Mulia Dato.

Namun begitu, tambah Yang Mulia Dato lagi, kita juga harus sentiasa peka terhadap cabaran yang terus mendepani kita; daripada cabaran geopolitik kepada ancaman kesihatan global, perubahan iklim, peningkatan ketidaksamaan sosial dan ekonomi di seluruh dunia.

Dalam mengharungi cabaran-cabaran ini jelas Yang Mulia Dato, adalah penting peranan tadbir urus yang baik disertai dengan ilmu pengetahuan yang kukuh agar kepimpinan dapat menjadi lebih telus dan berdaya tahan.

"Digabungkan dengan usaha kolektif merangkumi semua sektor kerajaan, masyarakat, masyarakat sivil dan sektor swasta kita dapat membangunkan penyelesaian mampan yang memberi impak bermakna dan berpanjangan," ujar Yang Mulia Dato.

Sehubungan itu, tambah Yang Mulia Dato lagi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menekankan pentingnya Pendekatan Seluruh Negara (Whole of Nation Approach).

Yang Mulia Dato menambah, pendekatan tersebut memastikan bahawa perpaduan dan kerjasama rakyat menjadi asas kepada kepimpinan negara yang stabil dan merupakan kunci utama dalam merealisasikan aspirasi pembangunan bersama.

"Inilah sebabnya mengapa inisiatif seperti Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global sangat penting.

"Dalam kita mengiktiraf pencapaian mereka pada petang ini, biarlah ia juga menjadi peringatan bahawa tadbir urus yang baik bukanlah usaha sekali sahaja. Ia memerlukan komitmen berterusan, kerjasama dan kebertanggungjawaban," ujar Yang Mulia Dato.



**YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan anugerah tersebut kepada para penerima (atas dan bawah).**

# 19 terima Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global 2025

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 13 Mei. - Sebanyak 19 penerima dalam 28 kategori yang berbeza menerima anugerah masing-masing pada Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global 2025 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan anugerah tersebut ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Pengerusi Chairman Cambridge IFA (Cambridge Institute of Islamic Finance), Profesor Dr. Humayon Dar.

Pada majlis itu, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM turut menyampaikan ucapan.

Dalam anugerah tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa menerima anugerah berprestij 3G Leadership Award for Government Sector (Individual) 2025; 3G Championship Award for Service Excellence 2025 pula dianugerahkan kepada Takaful Brunei; 3G Service Excellence Award 2025 dianugerahkan kepada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei; 3G Most Sustainable Financial Institution of the Year in Brunei 2025 dianugerahkan kepada Bank Islam Brunei Darussalam; 3G Excellence Award for Advocacy & Commitment to Corporate Governance 2025 dianugerahkan kepada Salik Company.

Sementara itu, Jollibee Group pula menerima 3G Excellence in Sustainability Reporting Award 2025; 3G Championship Award in Education and Human Resource Development 2025 pula dianugerahkan kepada UNISSA; 3G Advocacy of Corporate Governance Award 2025 dan 3G Championship Award in CSR 2025 dianugerahkan kepada Dubai Customs; 3G Championship Award for Microfinance 2025 pula dianugerahkan kepada TEKUN Nasional; 3G Championship Award in Corporate Governance Reporting 2025 dianugerahkan kepada Emirates Driving Company.

Manakala Walailak University memenangi dua anugerah iaitu 3G Excellence Award for Green Campus 2025 dan 3G Championship Award for Sustainable Development 2025; 3G Excellence in Social Responsibility Award 2025 dianugerahkan kepada Bumi Serpong Damai yang juga menerima 3G Best Green Innovation and Solutions Award 2025; 3G Best Corporate Governance Practices Award 2025 dan 3G Championship Award in Sustainability & Innovation 2025 pula dianugerahkan kepada Dubai Land Department; 3G ESG Championship Award 2025 dan the 3G Best CSR Programme Award 2025 dianugerahkan kepada Robinsons Land Corporation.

Bagi 3G Excellence in Digital Transformation Award 2025 dan 3G Best Public Sector Institution Award 2025 dianugerahkan kepada GDRFA Dubai; 3G Championship Award in Women Empowerment 2025 dan 3G Leadership Award for Microfinance 2025 dianugerahkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia; 3G Leadership Award for Charity and Donations 2025 dianugerahkan kepada Sulaiman Rajhi Charitable Foundation; 3G ESG Championship Award 2025 dan 3G Leadership Award in Sustainability Governance 2025 dianugerahkan kepada Environment Agency - Abu Dhabi; dan 3G Championship Award in ESG Practices 2025 dan 3G Leadership Award for Advocacy and Commitment to Corporate Governance 2025 dianugerahkan kepada Securities and Exchange Commission Philippines.

Anugerah 3G Ke-10 (10th Global Good Governance Award) itu dianjurkan oleh Cambridge IFA selaku penganjur utama dan UNISSA melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) sebagai penganjur bersama.

Anugerah 3G adalah program yang memberi penghargaan kepada individu, kerajaan, institusi awam dan swasta serta NGO yang telah menyumbangkan usaha cemerlang dalam bidang itu.

Anugerah tersebut menjadi sumber inspirasi dalam memperkukuhkan prinsip tadbir urus yang baik, ketelusan, serta tanggungjawab sosial, khususnya dalam tiga sektor utama: Kerajaan dan Politik, Sektor Korporat, dan Sektor Sosial dan Filantropi.



# PERKUKUH KERJASAMA PERTAHANAN, KONGSI KEPAKARAN TENTERA



**PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menyambut ketibaan Panglima Pasukan Pertahanan Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Letnan Jeneral Domingos Raul 'Falur Rate Laek'.**



**TUAN Yang Terutama Panglima Pasukan Pertahanan Republik Demokratik Timor-Leste memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei dan menerima Tabik Hormat (atas dan bawah).**



**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 13 Mei. - Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam (NBD) mengalu-alukan Lawatan Rasmi Panglima Pasukan Pertahanan Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Letnan Jenderal Domingos Raul 'Falur Rate Laek', pagi ini.

Sejurus tiba, Tuan Yang Terutama Panglima Pasukan Pertahanan Republik Demokratik Timor-Leste disambut oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Satu penghormatan penuh telah diberikan kepada Tuan Yang Terutama termasuk menerima Tabik Hormat dan seterusnya memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Selesai memeriksa Kawalan Kehormatan, TYT kemudiannya mengadakan Kunjungan Muhibah kepada Pemerintah ABDB.

Semasa perjumpaan tersebut, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk mengukuhkan hubungan kerjasama pertahanan, khususnya melalui inisiatif latihan bersama, perkongsian kepakaran, dan peluang untuk pertukaran bersama dalam latihan dan kursus untuk anggota-anggota kedua-dua Angkatan Tentera.

Kedua-dua pemimpin turut berharap untuk memupuk kerjasama erat dengan menubuhkan asas kukuh yang diwujudkan melalui hubungan pertahanan.

Sejurus selepas perjumpaan tersebut, TYT menerima Taklimat Korporat mengenai Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Ini diikuti dengan lawatan berunsurkan pengetahuan ke Muzium ABDB, yang mana menawarkan maklumat tentang sejarah, pencapaian dan tradisi tentera Brunei.

Sepanjang lawatan rasmi TYT di NBD, beliau dijadual akan melawat pelbagai unit-unit dalam ABDB, seperti; Institut Latihan ABDB, Akademi Pertahanan ABDB dan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), di samping beberapa lawatan ke pusat-pusat kebudayaan dan tempat-tempat bersejarah di negara ini.

TYT akan meneruskan Lawatan Rasminya di NBD dari 12 Mei 2025 hingga 15 Mei 2025, yang mana menandakan satu lagi detik kejayaan dalam persahabatan yang kian berkembang antara kedua-dua negara.

# Doa Selamat mohon keberkatan, keselamatan

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**



**PEMANGKU Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama Datin Sabrina binti Abdullah Chong selaku Pemangku Yang Dipertua PEKERTI PPDB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Selamat bagi anggota-anggota PPDB yang bakal mengerjakan fardu haji (atas, atas kanan dan bawah kanan).**



**GADONG**, Isnin, 12 Mei. - Bagi memohon keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala agar kesemua bakal jemaah haji mendapat perlindungan, keselamatan, dipermudahkan urusan serta beroleh haji yang mabrur, Majlis Doa Selamat bagi anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang bakal mengerjakan fardu haji telah diadakan di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pesuruhjaya Polis, PPDB, DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin bersama Datin Sabrina binti Abdullah Chong selaku Pemangku Yang Dipertua PEKERTI PPDB.

Turut berangkat dan hadir, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pengarah, pegawai-pegawai pemerintah dan pegawai-pegawai kanan, anggota-anggota pangkat rendah dan kakitangan PPDB.

Seramai sembilan orang yang terdiri daripada lima pegawai dan empat anggota pangkat rendah PPDB bakal jemaah haji pada tahun ini ialah ACP Masni binti Haji Jamil, ASP Maressa binti Morsidi, ASP Muhammad Ziyad bin Abdul Rahman, P/ASP Rabiatul Adawiyah@Lina binti Kepli, INSP Awang Farez Akmal bin Awang Aliakbar, SGT 4489 Pengiran Norazaman bin Pengiran Haji Damit serta isteri, PC 6384 Awangku Muhammad Hassanol Hakeem bin Pengiran Haji Ahmad, W/CPL 4884 Dayangku Rozita binti Pengiran Mohammad dan APO L/CPL 5937 Ali bin Hamdan serta isteri.

Majlis yang dikendalikan oleh Badan Ugama Islam, PPDB itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Staff SGT 6472 Muhd. Yusri bin Haji Abu Bakar, diikuti dengan bacaan Doa Selamat dan tolak bala dan diakhiri dengan penyampaian sumbangan kepada bakal-bakal jemaah haji.



# Sembahyang Sunat Hari Raya Adha Bagi Orang Haji

IRSYAD HUKUM
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**SEMBAHYANG** sunat Hari Raya Adha dan Hari Raya Fitrah merupakan satu keistimewaan umat Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Asy-Syaikh al-Bujairimi *Rahimahullah* dalam kitabnya Bujairimi 'ala al-Khathib menukil perkataan Imam as-Suyuthi *Rahimahullah* yang berkata :

**Ertinya** : *(Sembahyang sunat) dua Hari Raya, (sembahyang sunat) Istisqa', (sembahyang sunat) gerhana bulan dan (sembahyang sunat) gerhana matahari daripada keistimewaan-keistimewaan umat ini.*

Sembahyang sunat Hari Raya Adha dan Fitrah hukumnya sunat *mu'akkadah* (sangat dituntut) kerana *ittiba'* iaitu mencontohi perbuatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan meninggalkannya adalah makruh. Ia sunat dikerjakan oleh setiap orang yang mukallaf sama ada lelaki atau perempuan atau khuntsa. Ia juga disunatkan ke atas orang musafir. Menurut asy-Syaikh al-Bajuri *Rahimahullah* dalam kitabnya Hasyiyah al-Bajuri 'ala Syarh al-'Allamah Ibn Qasim al-Ghazzi 'ala Matn Abi Syuja', sembahyang sunat Hari Raya Adha dan Fitrah juga disunatkan ke atas kanak-kanak *mumayyiz*, maka dituntut wali kanak-kanak tersebut untuk menyuruh mereka mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya agar kanak-kanak tersebut mendapat pahala dengan mengerjakannya.

Sembahyang sunat Hari Raya Adha dan Fitrah adalah sunat dan afdhal dikerjakan secara berjemaah kerana Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* mengerjakannya secara berjemaah. Khusus mengenai sembahyang sunat Hari Raya Adha, adakah orang yang mengerjakan haji juga disunatkan ke atas mereka untuk mengerjakannya secara berjemaah? Irsyad Hukum kali ini akan memberi penjelasan mengenainya.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Manhaj al-Qawim, disunatkan bagi orang haji untuk mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya Adha sebagaimana katanya :

**Ertinya** : *Dan disunatkan (sembahyang sunat Hari Raya Adha) termasuk bagi orang haji (yang berada) di Mina.*

Walau bagaimanapun, orang haji itu afdhal baginya mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya Adha secara bersendirian (*munfarid*). Berkenaan perkara ini, Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj berkata :

**Ertinya** : *Dan disyariatkan iaitu disunatkan (mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya Adha dan Fitrah) secara berjemaah dan ia afdhal (dikerjakan secara berjemaah) kecuali (sembahyang sunat Hari Raya Adha) bagi orang haji (yang berada) di Mina, maka sesungguhnya afdhal baginya sembahyang (sunat) Hari Raya korban (Adha) secara sendiri-sendiri.*

Jika sembahyang sunat Hari Raya Adha dikerjakan oleh orang haji secara berjemaah, maka perbuatan orang haji mengerjakannya secara berjemaah itu adalah perbuatan yang menyalahi sunnah. Asy-Syaikh al-Bujairimi *Rahimahullah* menyebut perkara tersebut dalam kitabnya Bujairimi 'ala al-Khathib, katanya :

**Ertinya** : *Maka jika mereka mengerjakan sembahyangnya (sunat Hari Raya Adha) secara berjemaah, nescaya ia menyalahi sunnah.*

Berlainan halnya bagi orang yang mengerjakan umrah, maka orang yang mengerjakan umrah afdhal baginya mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya Adha secara berjemaah kerana ibadah umrah tidak ada waktu yang tertentu baginya.

Kedudukan afdhal mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya Adha secara bersendirian bagi orang haji ini bukan dikhususkan bagi orang haji yang berada di Mina sahaja, bahkan disunatkan bagi orang haji yang berada di tempat selain Mina sama ada dia berada di tempat itu disebabkan suatu hajat atau bukan disebabkan suatu hajat. Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* menukil perkataan Imam Ibn Qasim al-'Abbadi *Rahimahullah* dalam Hasyiyah Tuhfah al-Muhtaj, katanya :

**Ertinya** : *Maka disunatkan mengerjakannya (sembahyang sunat Hari Raya Adha) ke atas orang haji secara sendiri-sendiri, walaupun dia (berada) di (tempat) selain Mina kerana suatu hajat atau selainnya.*

Adapun hikmah tidak disunatkan orang haji mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya Adha secara berjemaah ialah sebagai keringanan bagi mereka disebabkan kesibukan mereka pada hari tersebut untuk mengerjakan amalan-amalan manasik haji seperti bertahallul dan bergerak untuk menuju ke Makkah bagi mengerjakan tawaf *al-Ifadhah*. Asy-Syaikh al-Bujairimi *Rahimahullah* dalam kitabnya Bujairimi 'ala al-Khathib berkata :

**Ertinya** : *Dan hikmahnya (tidak disunatkan berjemaah sembahyang sunat Hari Raya Adha) sebagai keringanan ke atas mereka kerana kesibukan mereka dengan amalan-amalan tahallul dan menuju Makkah (bagi mengerjakan tawaf al-Ifadhah) daripada mendirikan (sembahyang) berjemaah dan khutbah.*

Oleh yang demikian, jika orang haji mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya Adha secara bersendirian, maka tidak disunatkan ke atasnya khutbah setelah selesai mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya Adha. Waktu mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya Adha itu bermula di antara terbit matahari sehingga tergelincir matahari.

Demikian penjelasan mengenai sembahyang sunat Hari Raya Adha bagi orang yang mengerjakan haji.

MENUJU KEREDAAN ALLAH

# Ilmu : Cahaya bagi hati

**ILMU** adalah salah satu anugerah terbesar yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada manusia. Ilmu menjadi petunjuk dalam kehidupan, membimbing seseorang daripada kegelapan kejahilan kepada cahaya kebenaran. Ilmu merupakan cahaya yang menerangi kehidupan manusia dan ia mempunyai kedudukan yang tinggi dan diberikan keutamaan dalam kehidupan seorang Muslim.

Dalam Islam, ilmu bukan sekadar alat untuk mendapatkan kejayaan di dunia, akan tetapi juga sebagai bekalan untuk akhirat kelak. Ilmu yang bermanfaat menjadikan seseorang lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan membantunya menjalani kehidupan dengan penuh hikmah dan boleh membantu membuka jalan untuk dirinya menuju syurga. Seperti mana dalam hadis riwayat Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"*Barang siapa yang menempuh suatu jalan untuk mencari ilmu, Allah akan memudahkan baginya jalan menuju syurga*".

Hati manusia diibaratkan seperti tanah yang subur. Jika ditanam dengan ilmu yang bermanfaat, ia akan menghasilkan buah kebaikan dan kebijaksanaan. Namun jika hati dibiarkan dalam kejahilan, ia akan menjadi keras dan mudah dipengaruhi oleh keburukan. Ilmu yang benar berperanan sebagai cahaya yang membimbing manusia dalam membuat keputusan dan menjalani kehidupan dengan lebih baik.

Kejahilan adalah musuh utama manusia kerana ia membawa kepada kebinasaan. Seseorang yang tidak berilmu mudah terjerumus dalam kesilapan seperti mempercayai perkara khurafat, melakukan dosa tanpa sedar atau tidak memahami hakikat kehidupan yang sebenar. Ilmu yang baik merupakan salah satu cara untuk menghapuskan kejahilan. Dengan adanya ilmu, seseorang dapatlah memahami mana yang benar dan mana yang batil, sekali gus menjauhi perkara yang merosakkan diri dan masyarakat.

Ilmu juga memainkan peranan penting dalam menyucikan hati dan jiwa seseorang. Ilmu yang benar membantu seseorang memahami hakikat kehidupan dan tujuan kewujudannya di dunia. Ia juga membersihkan hati seseorang daripada penyakit hati seperti sombong, iri hati dan tamak kerana ilmu mendidik seseorang untuk menjadi lebih rendah hati dan bersyukur dengan nikmat Allah. Orang yang berilmu lebih cenderung untuk bersikap sabar, berfikiran terbuka dan tidak mudah terpengaruh dengan emosi negatif. Dengan adanya ilmu pada diri seseorang itu, ia akan membentuk akhlak yang mulia dan menjadikannya seseorang yang beradab, bersopan santun dan menghormati orang lain.

Seseorang itu dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menuntut ilmu khususnya dalam ilmu agama. Ia juga akan menjadikan seseorang lebih memahami kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan mengenali Maha Pencipta dengan lebih dekat. Mendalami ilmu agama akan membuatkan seseorang hamba itu memahami tanggungjawabnya sebagai hamba dan melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna dan lebih berdisiplin dalam kehidupan.

Di samping itu, ilmu adalah kompas hidup yang membimbing seseorang dalam membuat keputusan dan mengelakkan daripada perkara yang membawa keburukan. Ilmu yang luas membantu seseorang memahami pelbagai aspek kehidupan dengan lebih baik. Lebih-lebih lagi, ia membantu seseorang menentukan hala tuju hidupnya, mengelakkan diri daripada kesilapan dan memilih jalan yang terbaik dalam setiap situasi. Sekali gus menjadikan seseorang lebih rasional dalam menghadapi ujian dan cabaran kehidupan.

Menuntut ilmu adalah kewajipan setiap Muslim. Ia bukan hanya terhad kepada ilmu agama, tetapi juga ilmu dunia yang boleh membawa manfaat kepada masyarakat. Ilmu tidak hanya penting dalam kehidupan duniawi tetapi juga di akhirat. Tambahan pula, ilmu yang bermanfaat apabila diamalkan dan dikongsikan akan menjadi pahala berterusan yang tidak akan pernah putus. Seperti mana dalam hadis riwayat Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"*Apabila seseorang meninggal dunia, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara : Sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan doa anak yang soleh*".

Ilmu yang baik bukan hanya diperoleh melalui pendidikan formal, tetapi juga melalui pengalaman, pembacaan dan pergaulan dengan orang-orang yang berilmu. Antara cara memperoleh ilmu yang bermanfaat itu adalah :

- Ilmu harus dicari kerana Allah dan untuk manfaat bersama, bukan untuk kepentingan peribadi semata-mata.
- Menuntut ilmu memerlukan sikap rendah hati dan hormat kepada mereka yang lebih berpengetahuan terutama sekali kepada para guru, ulama dan ilmuwan yang telah banyak memberikan ilmu-ilmu bermanfaat.
- Ilmu tidak terbatas, oleh itu, tuntutlah ilmu-ilmu yang bermanfaat selagi kita ada kemampuan dan nikmat kesihatan yang diberikan oleh Allah.

Kesimpulannya, ilmu adalah cahaya bagi hati yang menerangi kehidupan seseorang, membimbingnya ke arah kebenaran, dan menjauhkannya daripada kejahilan. Dengan ilmu, seseorang dapat menjalani kehidupan dengan penuh kebijaksanaan, menjaga akhlak yang baik, dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, menuntut ilmu adalah satu kewajipan yang harus diutamakan oleh setiap individu. Semoga kita semua diberi peluang untuk terus mencari dan mengamalkan ilmu yang bermanfaat agar hati kita sentiasa bercahaya dengan kebenaran dan kebijaksanaan.

**ILMU juga memainkan peranan penting dalam menyucikan hati dan jiwa seseorang. Ilmu yang benar membantu seseorang memahami hakikat kehidupan dan tujuan kewujudannya di dunia. Ia juga membersihkan hati seseorang daripada penyakit hati seperti sombong, iri hati dan tamak kerana ilmu mendidik seseorang untuk menjadi lebih rendah hati dan bersyukur dengan nikmat Allah. Orang yang berilmu lebih cenderung untuk bersikap sabar, berfikiran terbuka dan tidak mudah terpengaruh dengan emosi negatif. Dengan adanya ilmu pada diri seseorang itu, ia akan membentuk akhlak yang mulia dan menjadikannya seseorang yang beradab, bersopan santun dan menghormati orang lain.**

# BENGKEL EPIC MEMACU USAHA CAPAI SDGS, REALISASIKAN WAWASAN BRUNEI 2035






**SETIAUSAHA Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan SDGs semasa berucap dan bergambar ramai pada Majlis Pembukaan Bengkel 'Every Policy Is Connected' (EPiC) (kanan dan kiri).**

**Oleh: Khartini Hamir**
**Foto: Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 13 Mei. - Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Sekretariat kepada Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals - SDGs) bagi Negara Brunei Darussalam, pagi tadi mengadakan Majlis Pembukaan Bengkel 'Every Policy Is Connected' (EPiC) yang berlangsung di Dewan Bankuet, JPM.

Majlis disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Wawasan), JPM, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad, juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan SDGs.

Dalam ucapan pembukaan, beliau merakamkan penghargaan kepada United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) atas sokongan berterusan dalam memperkukuh usaha Brunei Darussalam ke arah pembangunan mampan.

Beliau menekankan pentingnya kerjasama rentas sektor dan penggunaan pendekatan pemikiran bersistematik dalam merangka dasar yang menyeluruh, bersepadu dan berkesan.

Beliau juga turut memperkenalkan inisiatif EPiC sebagai satu pendekatan strategik dalam membangunkan Pelan Tindakan Utama Kemampanan (Sustainability Priorities Action Plan) negara.

Dalam ucapannya, beliau juga mengulangi empat komitmen transformasi negara yang telah diketengahkan semasa Sidang Kemuncak SDGs 2023, serta menekankan peranan penting struktur tadbir urus SDGs kebangsaan dalam menyokong pelaksanaan komitmen tersebut.

Bengkel selama tiga hari ini dianjurkan dengan kerjasama UNESCAP dan bertujuan untuk menyelaras dasar dengan keperluan dan jurang data; mengenal pasti keutamaan strategik negara; merumus pelan tindakan mampan; dan meningkatkan penyelesaian berpandukan data yang inklusif dan berorientasikan masa hadapan.

Bengkel EPiC diharap dapat memantapkan lagi usaha negara ini dalam mencapai SDGs dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035, demi kesejahteraan rakyat dan negara untuk generasi masa kini dan akan datang.

Untuk maklumat lanjut mengenai SDGs Negara Brunei Darussalam, layari laman sesawang di alamat: *www.sdgbrunei.gov.bn* dan ikuti di Instagram: *@sdg brunei*.

# Bincang hala tuju strategik, inisiatif pembangunan tenaga kerja

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**






**KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman semasa hadir pada Mesyuarat Ketua-ketua / Pemimpin - pemimpin ASEAN Network of Public Service Training Institutes (PSTI) (atas dan kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 13 Mei. – Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Ketua-ketua / Pemimpin - pemimpin ASEAN Network of Public Service Training Institutes (PSTI) yang berlangsung selama dua hari iaitu 13 hingga 14 Mei 2025 dengan tema 'Fit for the Future'.

Hadir merasmikan Majlis Pembukaan Mesyuarat tersebut ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman.

Terdahulu, Pengarah IPA, Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh dalam ucapan alu-aluannya berkata Rangkaian ASEAN PSTI telah dibentuk dengan empat objektif utama iaitu untuk mengukuhkan kerjasama dan pertukaran pengetahuan di seluruh ASEAN, supaya kita boleh belajar daripada amalan dan inovasi masing-masing.

Di samping itu juga, ia adalah untuk menggalakkan inovasi dalam pembelajaran dan pembangunan Perkhidmatan Awam, memastikan latihan kekal relevan dalam dunia yang cepat berubah. Ia juga bertujuan untuk membina kapasiti yang membantu penjawat awam kita menghadapi cabaran semasa dan akan datang dengan ketangkasan, berpandangan jauh serta menyokong integrasi dan daya tahan ASEAN, dengan membangunkan sektor awam yang berkebolehan dan padu di seluruh rantau kita.

Beliau turut berkongsi bahawa sebagai sebahagian daripada tempoh dua tahun sebagai negara peneraju rangkaian PSTI ASEAN, komited untuk melancarkan beberapa siri inisiatif untuk mengukuhkan kerjasama, keterlihatan dan penglibatan dalam kalangan institut para ahli.

Program selama dua hari ini didahului dengan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah IPA, Dr. Hajah Noor Maya yang membuka tirai untuk siri perbincangan dan aktiviti termasuk pembentangan oleh negara-negara.

Mesyuarat juga menampilkan satu sesi bertajuk 'Workforce Skills in the Age of Artificial Intelligence (AI)' yang disampaikan oleh Secretary General Eastern Regional Organization for Public Administration (EROPA), Dr. Alex Brillantes Jr.

Sesi diikuti dengan bengkel yang memberi tumpuan kepada usaha pembangunan tenaga kerja berkemahiran dalam era AI. Mesyuarat turut membincangkan mengenai hala tuju strategik dan inisiatif pembangunan tenaga kerja untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun akan datang khususnya dalam konteks pendigitalan, integrasi AI dan kerjasama pelbagai hala. Program ini turut merangkumi lawatan pembelajaran ke lokasi agropelancongan, memberi peluang kepada para delegasi untuk meneroka inovasi dan kelestarian serta mendalami gaya hidup tradisional, adat dan warisan komuniti tempatan.

Bagi tempoh 2025-2026, Negara Brunei Darussalam mengambil alih peranan sebagai Pengerusi ASEAN PSTI Network, menggantikan tuan rumah terdahulu iaitu Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Sebagai Pengerusi, Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk menerajui pelbagai cadangan dan inisiatif termasuk mesyuarat serantau, bengkel, program latihan serta pelancaran rasmi logo ASEAN PSTI Network.

Logo tersebut akan dipilih menerusi pertandingan reka bentuk yang dibukakan kepada semua negara anggota PSTI. Reka bentuk yang terpilih dijadualkan untuk dilancarkan pada penghujung tahun 2026.

Inisiatif penciptaan logo berkenaan telah dicadangkan semasa Mesyuarat ASEAN PSTI Network yang diadakan di Hanoi, Viet Nam pada November 2024. Logo ini bertujuan untuk menjadi identiti penyatuan yang melambangkan visi dan matlamat Bersama ASEAN PSTI Network.

Mesyuarat serantau ini dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari institut Perkhidmatan Awam di negara-negara ASEAN untuk mengukuhkan kerjasama, berkongsi amalan terbaik dan meneroka strategi inovatif dalam memperkasa pembangunan Perkhidmatan Awam di rantau ini.

Tema mesyuarat 'Fit for the Future' mencerminkan komitmen bersama rantau ASEAN dalam mempersiapkan institusi awam agar lebih responsif, tangkas dan berpandangan jauh dalam menghadapi cabaran yang sentiasa berubah.

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَاءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## سَيِّدُ الإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ ٱلْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَائِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhuraikah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَيُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَاۚ وَهُوَ العَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## ذكر بچاءن يغ ممباوا كبراونتوغن ساغت بسر كڤد ڤڠعملث ( تولق بلاء )

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**
II & III sahaja

**Kategori:**
[E01 & E02 sahaja]

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 017 / 2025

**Nama Projek:**
Membekal, Membuat dan Memasang Pusat Kawalan Motor (MCC) Dengan Integrasi Busbar Coupler Untuk Pam Air Mentah No. 3 & 4 Di Stesen Pam Air Mentah Loji Rawatan Air Layong

**Kelas:**
VI sahaja

**Kategori:**
[KA01 sahaja]

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 018 / 2025

**Nama Projek:**
Meningkatkan Taraf Loji-Loji Rawatan Air – Pembinaan Loji Rawatan Air Bukit Barun Peringkat 8 – Pakej 1, Kerja-Kerja Tanah Bagi Platform Loji Rawatan Air Retender

**Kelas:**
II & III sahaja

**Kategori:**
[KA01 sahaja]

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 019 / 2025

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Keja Pembersihan, Lanskap, Pemeliharaan Tanah Dan Pembuangan Sampah Bagi Loji Rawatan Air Bukit Barun, Tutong (2025)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
20 Mei 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup :**
3 Jun 2025, Selasa,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**
IV atau V

**Kategori:**
M01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
27 Mei 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
10 Jun 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-ACM / 12 / 2025

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Bagi Operasi dan Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem Hawa Dingin Bagi 'Group Location 3A' Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**
V sahaja

**Kategori:**
B01 & KA01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM007 / 2025

**Bil. Projek:**
2025DBSBM / KKBS.01

**Nama Projek:**
Menaik Taraf Gelanggang Tenis, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM008 / 2025

**Bil. Projek**
2025DBSBM / JPM.01

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Pembaikan Pada Bangunan Galeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
27 Mei 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Jun 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Tawaran Perkhidmatan Bagi Sekolah Ugama dan Arab Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun**

**Daerah Brunei dan Muara**

**Bilangan Tawaran:**
KHEU / JPI / KANTIN / 30 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Panchor Murai, Kawasan Brunei IV

**Bilangan Tawaran:**
KHEU / JPI / KANTIN / 10 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Begawan Pehin Udana Khatib Awg Hj. Umar, Kampong Setia, Brunei I.

**Bilangan Tawaran:**
KHEU / JPI / KANTIN / 22 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Madang, Kawasan Brunei IIA

**Bilangan Tawaran:**
KHEU / JPI / KANTIN / 47 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Jerudong, Kawasan Brunei III

**Bayaran:**
BND10.00
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

**Daerah Belait**

**Bilangan Tawaran:**
KHEU / JPI / KANTIN / 39 / 06

**Nama Sekolah Ugama:**
Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien, Kuala Belait

**Bayaran:**
BND10.00
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**
Rabu, 23 Zulkaedah 1446H / 21 Mei 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 01 / 2025-2026

**Keterangan:**
Membekal dan Menghantar Plak Bagi Majlis Hafl At-Takharruj Kali Ke-31 Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama,, Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
23 Zulkaedah 1446H /
21 Mei 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**
JPi / 02 / 2025

**Tajuk:**
Meningkatkan dan Menambah Kapasiti Bekalan Elektrik Di Tapak Ternakan Udang Laut (92h), Kg Keramut, Tutong

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 17 Jun 2025.

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA**
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Rujukan Tawaran:**
JKED / TAWARAN / UPICT / BPPK / Q / 2024 - 02
Pembekalan Barang Guna Habis (Consumables) Toner dan Drum Mesin Pencetak Bagi Kegunaan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi Negara Brunei Darussalam
Untuk (01) Tahun

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 27 Mei 2025.

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk Tawaran:**
The Supply, Delivery, Installation & Testing Of Batteries For 2 Units Of 60kva Uninterruptible Power Supply (UPS), Department Of Civil Aviation
ATELS / 2025 / SH-07

**Tarikh Iklan/Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
14 Mei 2025, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
27 Mei 2025, Selasa

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
28 Mei 2025, Rabu
(Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari)

**Kepada:**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori:**
B01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
20 Mei 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
3 Jun 2025 (Selasa )
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSKB / 012 / 2025

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Pemeliharaan dan Segera Di Istana Kota Manggalela, Rumah Pekerja dan Kawasan Sekeliling, Jalan Maulana, Kuala Belait Dalam Tempoh 36 Bulan.

**No. Projek:**
2025ADKB/KEW-01

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**
IV Sahaja

**Kategori:**
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
20 Mei 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
17 Jun 2025. (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran :**
JKR / DBSKB / 006 / 2025

**Nama Projek:**
Pengaliran Air – Membina Stesen Pam Saliran Di F17, Seria (Design And Build)

**No. Projek:**
DDS 1215-012/ADBT - 01

**Yuran Tawaran:**
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
27 Mei 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
10 Jun 2025. (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran :**
JKR / DBSKB / 013 / 2025

**Nama Projek:**
Menaiktaraf Sistem Pembetungan Bagi Mukim Kuala Belait dan Mukim Seria, Daerah Belait – Pemeriksaan Menggunakan Kamera Litar Tertutup.

**No. Projek:**
DDS/217-009/ADBT-01

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**
KK / 111 / 2025 / SMS (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item For State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 112 / 2025 / SMS (TC)

**Keterangan**
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item (Catheters) For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 114 / 2025 / ESTETMOH (TC)

**Keterangan:**
The Provision Of Maintenance Services For Fume Cupboards Under Ministry Of Health For A Period Of Two (2) Years

**Eligibility For Tenderers:**
Registered with the Ministry of Health and the Ministry of Development, and have a Business Registration Certificate (sections 16 & 17) specifically in Hospital medical equipment, scientific and dental equipment

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 115 / 2025 / UPP

**Keterangan:**
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Portable Multiparameter Monitoring For Operating Theatre, RIPAS Hospital

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 116 / 2025 / UPP

**Keterangan:**
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Autotransfusion System For Operating Theatre, RIPAS Hospital

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 117 / 2025 / UPP

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Medical Accessories For Paediatric Intensive Care Unit (PICU), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 27 Mei 2025.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
KK / 118 / 2025 / MOH (TC)

**Keterangan:**
The Provision Of Linen And Laundry Services For Hospitals And Health Facilities Of The Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

**Yuran Tawaran:**
BND2,000.00

**Tarikh Tutup:**
29 Julai 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

***Dokumen tender hanya boleh diambil sehingga 29 Mei 2025**

## JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
01 / BBS / SH / 2025 – 2026

**Keterangan Projek:**
Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Bangunan Pentas Diraja Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait [Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam]

**Bilangan Tawaran:**
02 / BBS / SH / BKA / 2025 – 2026

**Keterangan Projek:**
Sebut Harga Bagi Kerja – Kerja Membuka Dan Mengganti Baharu Pintu Masuk Belakang Jenis 'Roller Shutter' Di Bangunan Pasarneka Kuala Belait, Jalan Pasarneka Kuala Belait [Dibukakan kepada pemborong – pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)]

**Bilangan Tawaran:**
03 / BBS / SH / BKA / 2025 – 2026

**Keterangan Projek:**
Sebut Harga Bagi Kerja – Kerja Membaiki Kerosakan Pada Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria Di Jalan Mckerron Kuala Belait [Dibukakan kepada pemborong – pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)]

**Yuran Tawaran:**
BND5.00 (Non–Refundable)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
20 Mei 2025.

## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI

**Iklan Tarikh Lanjutan**

Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / JAN / 014 / 2025

**Tajuk Tawaran:**
Supply and Delivery of Load Gear Bearings Spare Parts For Frame 5 Gas Turbines at DES Power Station

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / JAN / 015 / 2025

**Tajuk Tawaran:**
Supply and Delivery of Spare Parts For Frame 5 Gas Turbines At SHOASSKW Power Station Lumut

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Dilanjutkan:**
20 Mei 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

**Tempat Tutup :**
'Tender Box'
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913
Negara Brunei Darussalam.

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Tawaran:**
KK / 107 / 2025 / PPN (TC)

**Keterangan:**
The Supply And Delivery Of Consumables For Oral Health Promotion Unit, Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 108 / 2025 / PIHM (TC)

**Keterangan:**
Disposal Of Clinical Waste Including Collection, Transportation And Incinerate From Pengiran Isteri Hajjah Mariam Hospital Temburong To An Off-Site Location For Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 109 / 2025 / ESTETMOH (TC)

**Keterangan:**
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Refrigeration And Air Conditioning And Ventilation At Ministry Of Health Headquarters Complex And DSS Serasa For A Period Of Three (3) Years

**Eligibility for Tenderers:**
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Class:** II and above
**Category:** M01, E01 & E02

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Tarikh Tutup:**
20 Mei 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**1. Bilangan Sebut Harga:**
(21) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Nissan X-Trail Luxury, BG9638 Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

**2. Bilangan Sebut Harga:**
(22) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Toyota Commuter Bus Hiace, BG2065 Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

**3. Bilangan Sebut Harga:**
(23) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Hyundai H1 2.5 VGT CRDI (Model 2015), BG5225 Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

**4. Bilangan Sebut Harga:**
(24) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Mitsubishi Pajero GL 2.8, BG4279 (TB) Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

**Yuran:**
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 15 Mei 2025.
Jam 8.00 Pagi.

**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Tawaran:**
02 / JPD / JKSH / 2025-2026

**Tajuk Projek:**
24 Months Term Provision Of Cleaning Services For Land Transport Department Headquarters Building (Beribi)

**Bilangan Tawaran:**
03 / JPD / JKSH / 2025-2026

**Tajuk Projek:**
24 Months Term Provision Of Cleaning Services For Land Transport Department Training And Driving Test Circuit Complex (Sungai Akar)

**Bilangan Tawaran:**
05 / JPD / JKSH / 2025-2026

**Tajuk Projek:**
24 Months Term Maintenance Of Grass And Tree Cutting For Land Transport Department

**Bilangan Tawaran:**
06 / JPD / JKSH / 2025-2026

**Tajuk Projek:**
24 Months Term Provision Of Security Services For Land Transport Department Buildings And Branches

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
20 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dalam

**Kelas:** Terbuka

**Kategori:** Terbuka

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Sabtu,
17 Mei 2025.

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
20 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Bil. Tawaran:**
KHEDN / LTK / 2025-02
**Tajuk Projek:**
Kontrak Penggal Bagi Pembekalan dan Pemasangan Giant Banner Di Taman SOAS Serta Pembekalan dan Pemasangan Vertical Banner Di Ke Empat-Empat Daerah Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bilangan Projek:**
KHEDN / BPE / B01303-06

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas:**
III, IV & V

**Kategori:**
S01

**Tarikh Buka Tawaran pada:**
29 April 2025. (Selasa)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
24 Jun 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup Pada:**
29 Julai 2025. (Selasa)
Sebelum jam 2.00 Petang.

**(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)**

**JASTRE / BL / DB / 01 / 2025**
Kerja-Kerja Pembaikan Dan Pengubahsuaian Tapak Semaian Belimbing, Jabatan Alam Sekitar, Taman Dan Rekreasi.

**No. Projek:**
JASTRE / BL / DB / 01 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND 500.00
(Non-Refundable)

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
02 / JMM / S / 12 / 91 (2025 / 2026) – R

**Tajuk Sebut Harga:**
Membekalkan dan Memasang Patung (Mannequins) Di Muzium Alat Kebesaran Diraja, Muzium Teknologi Melayu, Muzium Maritim Brunei Darussalam dan Muzium Kuala Belait

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 3 Jun 2025.

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 017 / 2025

**Tajuk:**
Supply And Delivery Of 185MM2 / 3C XLPE H.T

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
10 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Harga Dokumen:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**
Tender Box Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam kategori P05 dan berdaftar di bawah 'Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39' serta memiliki 'Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian' Yang Sah Sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Perhatian:**
Sila sertakan salinan "Business Names Enactment, 1958 - SECTION 16 & 17", sijil pendaftaran pemborong (MOD), sijil Tabung Amanah Pekerja, "TAP Employer Contribution" dan 'Certificate of Tax Compliance' semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 37 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 38 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 39 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 40 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 41 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 42 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 43 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 44 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 45 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 46 / 2025 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
3 Jun 2025.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

# PERATURAN PENGIKLANAN
## (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

Pelita Brunei

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400 sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

**INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM**

**Tajuk Sebut Harga :**
IPA / PENT / SVC / 513
Kerja-Kerja Perkhidmatan Pengangkutan dan Pembuangan Sampah

**Tajuk Sebut Harga:**
IPA / PENT / SEBHAR / 512
Perkhidmatan Penyewaan / Pengusahaan Kios Makanan

**Tarikh Tutup Bagi Sebut Harga:**
Selasa, 20 Mei 2025.

**Yuran Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membuka Dan Mengganti Baharu Pintu Masuk Belakang Jenis 'Roller Shutter' Di Bangunan Pasarneka Kuala Belait, Jalan Pasarneka Kuala Belait**
02 / BBS / SH / BKA / 2024-2025

**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Pada Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria Di Jalan Mckerron Kuala Belait**
03 / BBS / SH / BKA / 2024-2025

**Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)**

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
20 Mei 2024.

**Waktu Kaunter Pembayaran:**
Isnin – Khamis:
8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
1.30 Petang – 3.00 Petang

Sabtu:
8.00 Pagi – 10.00 Pagi
Tutup pada Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk Tawaran:**
Supply, Delivery & Configuration of New Spares Generator Controller Display, Department of Civil Aviation
ATELS / 2025 / SH – 04

**Tajuk Tawaran:**
The Supply And Delivery of ISATPHONE Prepaid Subscription Services And Annual License Fee For Search And Rescue Operation, Department of Civil Aviation
ATELS / 2025 / SH - 15

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
7 Mei 2025, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
20 Mei 2025,
Selasa.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
21 Mei 2025, Rabu.
(Tidak lewat jam
2.00 Petang)

**Kepada:**
Pengerusi /
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 1 / 2025 - 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
To Design, Print, Fabricate, And Install Posters For The Ministry Of Primary Resources And Tourism.

**Tarikh Buka Sebut Harga:**
17 April 2025, Khamis.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
22 Mei 2025, Khamis.

**Jam:**
2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat (Jika Berkenaan):**
21 April 2025, Isnin.
Semasa waktu bekerja

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

# PROGRAM SUA MUKA BARIGAKAN MAKLUMAT, DASAR KERAJAAN





KETUA Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka bagi Kampung Batu Apoi dan Kampung Tanjung Bungar, Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong (atas dan kiri).

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**TEMBURONG**, Selasa, 13 Mei. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong hari ini mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Batu Apoi dan Kampung Tanjung Bungar, Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong bertempat di Balai Raya Kampung Batu Apoi, Mukim Batu Apoi.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Manakala bagi pihak Kampung Batu Apoi dan Kampung Tanjung Bungar diketuai oleh Ketua Kampung Batu Apoi, Awang Haji Muhammad Mumtaz bin Haji Akop/Yakuup, yang juga memata-matai jawatan Ketua Kampung Tanjung Bungar.

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan alam sekitar, prasarana dan kemudahan awam serta hal-hal lain.

Turut hadir bagi menyampaikan taklimat kepada penduduk-penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi; Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Jalan Raya dan Jabatan Saliran dan Pembetungan, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.



**JUALAN produk tempatan yang berlangsung ketika program berkenaan dijalankan.**

# Suntik semangat patriotisme, sifat perpaduan kalangan pelajar





PENYAMPAIAN hadiah Kuiz Kenali ASEAN yang telah disempurnakan oleh Penolong Guru Besar Sekolah Arab Belait (atas). Manakala gambar kiri, sesi bergambar ramai setelah selesainya taklimat berkenaaan.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**KUALA BELAIT,** Selasa, 13 Mei. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI terus melaksanakan usahanya dalam membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini melalui Jerayawara Kenali ASEAN.

Sehubungan itu, jerayawara berkenaan diteruskan lagi di Sekolah Arab Belait.

Seramai 34 orang pelajar Tahun 7 dan 8 menghadiri Taklimat Kenali ASEAN yang diadakan di Musholla sekolah berkenaan.

Turut hadir pada taklimat berkenaan ialah Penolong Guru Besar, Awang Haji Muhd. Roselyzan bin Haji Sipin dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail antara lain untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (*One Vision, One Identity, One Community*).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Penolong Guru Besar sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

# JKED RAMPAS BARANGAN TEGAHAN, 3 LELAKI DITAHAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 13 Mei. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-undang telah menjalankan gerakan operasi bersepadu bersama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di salah sebuah rumah di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan, baru-baru ini.

Semasa operasi, JKED telah berjaya menahan dua lelaki warga tempatan dan seorang lelaki penduduk tetap dalam lingkungan umur 21 hingga 42 tahun atas kesalahan memiliki barang kesalahan kastam iaitu sebanyak 1,050 karton rokok pelbagai jenis, 10 tin minuman keras dan satu unit *vape*.

Turut ditahan ialah wang tunai berjumlah BND1,752 yang dipercayai adalah hasil daripada penjualan barang-barang kesalahan kastam dan dua buah kenderaan yang dipercayai digunakan untuk menjalankan aktiviti penyeludupan.

Kesemua barang terbabit telah dirampas dan individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang JKED untuk siasatan lanjut.

Sehubungan itu, JKED ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk sentiasa mematuhi mana-mana perundangan negara ini termasuk mengelakkan sebarang penglibatan dalam memiliki, menjual ataupun membeli barang-barang tegahan, sekatan dan juga larangan Kastam. Barang siapa yang didapati terlibat akan dikenakan tindakan undang-undang sepertimana peruntukan kuasa di bawah Perintah Kastam 2006 dan Perintah Eksais 2006.

Dalam pada yang sama, JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan.

Orang ramai dialu-alukan untuk melaporkan mana-mana kejadian yang menyalahi perundangan kastam dan eksais dengan cara menghubungi JKED menerusi talian +673 8714422 / +673 8721422 ataupun terus membuat laporan ke Pejabat Kastam yang berdekatan.



**ANTARA barang kesalahan kastam iaitu sebanyak 1,050 karton rokok pelbagai jenis, 10 tin minuman keras dan satu unit *vape*. Turut ditahan ialah wang tunai berjumlah BND1,752 yang dipercayai adalah hasil daripada penjualan barang-barang kesalahan kastam dan dua buah kenderaan yang dipercayai digunakan untuk menjalankan aktiviti penyeludupan.**








# MINDA PEMBACA

## Menjamin kesihatan, kesejahteraan ibu dan anak

**KESIHATAN** ibu dan anak ialah tunjang utama dalam membentuk masyarakat yang sihat serta maju. Seorang ibu yang sihat berupaya melahirkan anak-anak yang kuat, seterusnya mendidik mereka menjadi individu yang berguna kepada pembangunan negara. Justeru, kesejahteraan golongan ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak, termasuk kerajaan, masyarakat dan keluarga sendiri.

Antara langkah penting yang harus diambil ialah menyediakan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh dan berkualiti. Pemeriksaan kesihatan sebelum dan selepas bersalin perlu dilakukan secara berkala untuk memastikan keadaan ibu dan anak damit sentiasa dipantau. Klinik serta hospital juga harus dilengkapi dengan kemudahan moden dan dikendalikan oleh tenaga kerja yang berpengalaman. Selain itu, program imunisasi dan saringan kesihatan perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan penyakit yang boleh mengancam nyawa si kecil.

Aspek pemakanan yang sihat tidak kurang pentingnya. Ibu hamil harus diberi pendedahan tentang keperluan nutrisi yang mencukupi sepanjang kehamilan dan selepas melahirkan anak. Amalan penyusuan susu ibu juga perlu digalakkan kerana bukan sahaja memperkukuhkan imuniti anak damit, malah merapatkan ikatan emosi antara ibu dan anak.

Selain itu, keperluan emosi dan sokongan sosial tidak boleh diabaikan. Ibu-ibu memerlukan suasana yang positif bagi memastikan kesihatan mental mereka terpelihara. Sokongan daripada suami, keluarga serta masyarakat amat penting untuk membantu mereka mengatasi tekanan dan mengelakkan masalah seperti kemurungan selepas bersalin.

Kesimpulannya, usaha menjamin kesihatan dan kesejahteraan ibu serta anak adalah amanah bersama. Dengan menyediakan rawatan kesihatan yang terbaik, pemakanan seimbang dan sokongan emosi yang padu, kita mampu membentuk generasi akan datang yang lebih sihat, produktif dan bermutu tinggi. Setiap pihak harus berganding tenaga demi masa depan yang lebih cerah.

**Nama : Ahmad Izzuddin bin Azis**
**No. K/P : 01-099XXX**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Impak Kenaikan Kos Sara Hidup.'** Tarikh Tutup : **14 Mei 2025**
2. **'Kesihatan Mental Dalam Kalangan Remaja.'** Tarikh Tutup : **21 Mei 2025**
3. **'Kesan Pemanasan Global Terhadap Kehidupan Harian.'** Tarikh Tutup : **28 Mei 2025**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**



# Ibu wajib dihormati, berbaktilah hingga akhir hayat

**Oleh : Norliah Md. Zain**
**Foto : Jabatan Penerangan, ihsan Dayat Ahim**

PERANAN wanita dalam rumah tangga antaranya ialah sebagai ibu dalam membimbing anak-anak mereka tanpa mengira usia sehingga akhirnya dapat membina hubungan keluarga yang sentiasa harmonis dan bahagia, berlandaskan ajaran agama Islam. Oleh itu, ibu adalah orang yang mesti dihormati sepanjang hayat.

Setiap orang pasti mempunyai ibu sama ada dia ibu kandung, ibu angkat, mahupun wanita yang berperanan sebagai ibu dalam kehidupan seseorang. Dia wajib dipatuhi kerana telah banyak berkorban untuk kita.

Renunglah betapa lembutnya sentuhan seorang ibu mampu membentuk kekuatan, keyakinan dan kasih sayang dalam jiwa anak-anak.

Ia juga melambangkan keikhlasan ibu dalam mendidik tanpa mengharapkan balasan, menjadikan beliau sumber kekuatan dalam institusi keluarga dan masyarakat.

Islam meletakkan ibu pada kedudukan yang tinggi. Dalam Surah Al-Ahqaf ayat 15, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan manusia agar berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Dalam hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pula, ibu diberi keutamaan tiga kali ganda berbanding ayah dalam hal berbuat baik dan layanan kasih sayang.

Sering kali kita mendengar pepatah bahawa syurga itu di bawah tapak kaki ibu. Oleh itu, kita harusnya bertanya kepada diri sendiri, sejauh manakah kita menjaga syurga kita dalam hidup ini?

Sesungguhnya hukum menghormati dan berbuat baik kepada ibu adalah wajib kerana ia merupakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Jika kita tidak berbuat baik maka kita melakukan dosa besar kerana melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahkaf ayat 15 : "*Dan Kami memerintahkan manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah*".

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga berpesan agar kita terus berbakti kepada ibu yang sudah lanjut usia kerana bakti seorang anak itu boleh menjadi penyebab untuk dirinya dimasukkan ke syurga.

### Berbakti

Sesungguhnya terdapat banyak cara untuk kita berbakti dan berbuat baik terhadap ibu, contohnya kita wajib berlaku sopan dan hormat, tidak dibolehkan bercakap kasar, hendaklah memanggil ibu kita dengan suara yang lemah lembut dan panggilan yang menyenangkan.

Apabila ibu memanggil hendaklah kita mendatanginya serta menjawab pertanyaan dengan segera, apabila dia meminta makanan atau pakaian, kita adalah wajib untuk menunaikannya, apabila dia menyuruh berbuat sesuatu atau meminta bantuan kita hendaklah melaksanakannya kecuali perkara yang dilarang oleh agama dan jangan sekali-kali kita lupa mendoakan mereka supaya Allah Subhanahu Wata'ala akan mengampunkan dosa-dosa mereka.

Jika berjauhan, hubungilah ibu *biskita* sekerap yang mungkin. Mengambil berat tentang mereka adalah tanggungjawab setiap anak. Dengan kemudahan dan pelbagai pilihan teknologi yang ada sekarang, lebih mudah untuk menghubungi mereka.

### Doa yang mustajab

Doa seorang ibu adalah salah satu doa yang mustajab, yang tidak diragukan kemuliaannya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "*Doa orang tua untuk anaknya sama seperti doa nabi terhadap umatnya*". (Hadis Riwayat Ad-Dailami).

Doa ibu memiliki keistimewaan khusus kerana ikatan batin yang kuat antara ibu dan anak. Kasih sayang ibu yang mendalam menjadikan doanya tulus dan penuh berkat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda : "*Tiga doa yang mustajab tanpa keraguan : doa orang tua kepada anaknya, doa musafir dan doa orang yang teraniaya*". (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Oleh itu, bagi mereka yang masih mempunyai ibu, pohonlah kepada ibu untuk mendoakan awda terutama sekali apabila awda berhadapan dengan suatu ujian seperti temu duga kerja, peperiksaan dan sebagainya. Setelah berjaya, janganlah kita lupa ibu yang telah mendoakan kita.

### Tidak terbalas

Sememangnya jasa mereka ini tidak dapat untuk dibalas apatah lagi dengan wang ringgit. Oleh itu, sentiasalah kita menghormati, berbakti dan berbuat baik kepada mereka hingga ke akhir hayat mereka.

Amalan memuliakan ibu bukan sekadar sunnah. Ia adalah ibadah utama yang perlu dilakukan secara berterusan sepanjang hayat.

Biar setinggi mana pun kejayaan kita, hargailah ibu yang banyak berkorban untuk kita. Ingatlah bahawa menjadi satu kerugian bagi mereka yang masih ada ibu tetapi tidak berbuat baik kepadanya dan tidak menunaikan tanggungjawab yang sepatutnya serta gagal memberikan perhatian ketika dia datang mengadu dan gagal mengisi ruang sunyi dan rasa rindu ibu untuk mendapatkan kasih sayang. Apabila ibu sudah tiada, tiada yang dapat mengganti kedudukannya pada kita.

# PROGRAM PERSEDIAAN PEKERJAAN AKAN DIADAKAN DI DAERAH BELAIT

**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Pekerjaan Brunei**

**BERIBI**, Isnin, 12 Mei. - Program Persediaan Pekerjaan diteruskan lagi dan akan dilaratkan ke Daerah Belait. Program merupakan kesinambungan daripada Program Akar Umbi bersama Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung pada tahun lalu.

Inisiatif berkenaan dilaksanakan agar para pencari kerja tempatan lebih bersedia untuk menempuhi alam pekerjaan.

Program berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing anak tempatan dalam pasaran kerja melalui bengkel dan aktiviti *team-building* yang menarik.

Pendekatan berkenaan diharap dapat mengasah kemahiran asas yang penting seperti kepimpinan, semangat kerjasama berpasukan, dan komunikasi profesional.

Para peserta yang berminat untuk mengikuti program berkenaan akan berpeluang untuk memahami secara lebih dekat, keperluan dan cabaran dalam pasaran kerja, di samping membina keyakinan diri melalui bimbingan praktikal berkaitan dengan latihan kemahiran insaniah, penyediaan Curriculum Vitae (CV) dan persediaan temu duga yang akan disampaikan oleh Jurulatih Bertauliah Kerjaya (Career Coach) dari Pusat Pekerjaan Brunei dengan kerjasama pakar-pakar daripada syarikat-syarikat pembekal latihan yang terpilih melalui Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility - CSR).

Program selama satu hari berkenaan akan diadakan pada Rabu, 21 Mei 2025 di Bilik Kasuari, Brunei Shell Recreation Club, Panaga, Seria, Daerah Belait dan dirancang akan dilaratkan ke daerah-daerah lain pada setiap bulan.

Pendaftaran bagi mengikuti program berkenaan dibukakan kepada orang awam, terutama penduduk di Daerah Belait.

Permohonan boleh dibuat melalui pautan *linktr.ee/PPBcareer* atau dengan mengimbas Kod QR yang disertakan ini.

Bagi keterangan lanjut mengenai program tersebut, orang ramai bolehlah mengikuti media sosial Instagram rasmi Pusat Pekerjaan Brunei *@jobcentrebrunei.*




# Kejadian ikan terdampar di kawasan persisiran Pantai Jerudong

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perikanan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 12 Mei. - Berikutan sebuah video yang tular di media sosial pada Sabtu, 10 Mei 2025, yang menunjukkan sejumlah besar ikan terdampar di kawasan persisiran Pantai Jerudong, Jabatan Perikanan ingin menjelaskan dan mengesahkan bahawa kejadian berkenaan adalah benar dan berlaku di lokasi yang dinyatakan.

Jabatan Perikanan telah melaksanakan pemantauan serta analisa ke atas sampel ikan dan keadaan air di kawasan berkenaan, dan mengesahkan ia bukan berpunca daripada sebarang kejadian air kemerah-merahan (*red tide*) atau pencemaran sisa toksik.

Pada masa yang sama, Jabatan Perikanan turut mengingatkan para nelayan supaya mengamalkan kaedah penangkapan ikan yang mampan (*sustainable*) dan tidak membuang hasil tangkapan sampingan (*bycatch*) ke laut secara tidak bertanggungjawab.

Amalan berkenaan bukan sahaja penting bagi memelihara kelestarian sumber perikanan negara, malah turut membantu dalam menjaga keseimbangan ekosistem marin serta memastikan kesinambungan hasil laut untuk generasi akan datang.

Di samping itu, pihak jabatan telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan di sepanjang persisiran Pantai Jerudong dan mencatatkan anggaran sejumlah 180 kilogram ikan terdampar yang telah pun dikutip dan dilupuskan.

Sehubungan dengan itu, orang ramai dan para nelayan adalah dinasihatkan agar tidak berasa cemas atau bimbang dengan kejadian berkenaan.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak menyebarluaskan sebarang maklumat yang belum disahkan secara rasmi oleh pihak berkuasa.

Selain itu, sebarang maklumat atau pertanyaan yang berkaitan boleh disalurkan secara langsung kepada Jabatan Perikanan melalui beberapa platform terbuka dalam bentuk laman sesawang ataupun akaun-akaun media sosial jabatan.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara berkenaan, orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan Perikanan menerusi talian +673 2770068 (waktu bekerja) atau melalui e-mel di *enquiry@fisheries.gov.bn.*



**SEJUMLAH besar ikan terdampar di kawasan persisiran Pantai Jerudong.**




BERITA GLOBAL

# PM AUSTRALIA ALBANESE, MENTERI ANGKAT SUMPAH SELEPAS MENANG PILIHAN RAYA

**CANBERRA**, 13 Mei. - Perdana Menteri Australia, Anthony Albanese dan para menterinya telah mengangkat sumpah selepas Parti Buruh memenangi penggal kedua dalam pilihan raya persekutuan, lapor Xinhua.

Albanese bersama anggota Kabinet, Kementerian Luar dan Menteri Pembantu secara rasmi mengangkat sumpah jawatan di hadapan Gabenor Jeneral Sam Mostyn, wakil rasmi monarki British di Australia, dalam satu istiadat di Rumah Kerajaan di Canberra pada pagi Selasa.

Dalam upacara itu, kesemua 42 anggota kementerian melafazkan sumpah jawatan, berikrar untuk berkhidmat dengan sebaik-baiknya kepada Komanwel Australia dalam peranan masing-masing.

Kesemua 42 anggota itu terdiri daripada 23 ahli Kabinet, tujuh anggota Kementerian Luar dan 12 Menteri Pembantu.

Kabinet dan Kementerian Luar kekal hampir sepenuhnya seperti pada penghujung penggal pertama Albanese, dengan majoriti pemimpin kanan mengekalkan portfolio masing-masing termasuk Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, Richard Marles, Bendahari, Jim Chalmers dan Menteri Luar, Penny Wong.

Mengumumkan senarai menteri pada Isnin, Albanese berkata ia merupakan kaukus Buruh terbesar dalam sejarah - merujuk kepada bilangan ahli politik parti itu yang dipilih ke parlimen persekutuan - selepas kemenangan besar pada pilihan raya 3 Mei.

Beliau berkata para menteri dan parti kini mempunyai peluang luar biasa untuk mengubah Australia menjadi lebih baik.

"Saya amat terharu dengan kepercayaan yang diberikan kepada kerajaan saya menerusi pilihan raya ini, dan kami pastinya tidak akan mengambil mudah," katanya.

Antara perubahan dalam kementerian baharu ialah pelantikan Michelle Rowland sebagai Peguam Negara, menggantikan Mark Dreyfus yang digugurkan bersama bekas Menteri Sains dan Industri, Ed Husic susulan rundingan antara puak dalam parti.

Kementerian baharu turut menyaksikan penubuhan portfolio baharu iaitu Menteri Pembantu Bagi Pendidikan Antarabangsa, yang kini disandang Julian Hill. - ©BERNAMA

# Tabung Haji sokong tindakan tegas Arab Saudi kawal kemasukan jemaah tanpa visa sah

**MAKKAH,** 12 Mei. - Tabung Haji (TH) menyambut baik langkah proaktif kerajaan Arab Saudi yang melaksanakan peraturan dan kawalan ketat sempena musim haji 1445H/2025M, termasuk larangan keras terhadap individu yang cuba menunaikan ibadah haji tanpa visa haji yang sah.

Ketua Rombongan Haji Malaysia, Mohd. Hisham Harun berkata ketetapan itu amat penting bagi memastikan kelancaran keseluruhan operasi haji serta menjamin keselamatan jemaah dari seluruh dunia.

"Fatwa Majlis Ulama Tertinggi Arab Saudi turut menetapkan bahawa hanya individu yang memiliki permit haji yang sah dibenarkan menunaikan ibadah haji, menjadikan pemilikan permit tersebut sebagai satu kewajipan bagi semua jemaah.

Individu yang cuba menunaikan haji tanpa visa sah boleh dikenakan penalti sehingga SR20,000 (RM22,923), manakala ejen yang terbabit membawa jemaah tanpa kebenaran berdepan denda lebih tinggi iaitu sehingga SR100,000 (RM114,615)," katanya pada sidang media mingguan di Ibu Pejabat TH di sini, hari ini.

Mohd. Hisham berkata pelaksanaan kawalan ketat di semua lokasi pemeriksaan keselamatan menuju ke Masjidil Haram turut menunjukkan kesungguhan kerajaan Arab Saudi untuk tidak berkompromi terhadap sebarang pelanggaran peraturan.

Beliau turut memaklumkan bahawa mana-mana kenderaan yang digunakan untuk membawa jemaah tanpa permit sah ke Makkah atau Madinah juga akan dikenakan tindakan sewajarnya, termasuk denda yang setimpal.

Sehubungan itu, TH menasihatkan rakyat Malaysia agar tidak mudah terpedaya dengan sebarang tawaran daripada individu, ejen atau organisasi yang menjanjikan peluang menunaikan haji menggunakan visa selain visa haji yang sah.

"Ini termasuk iklan atau jemputan yang disebarkan melalui media sosial, panggilan telefon dan platform lain yang menjanjikan akses mudah ke Tanah Suci tanpa mematuhi peraturan visa yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi," katanya.

Mohd. Hisham berkata pelaksanaan peraturan ketat itu terbukti berkesan apabila pergerakan keluar masuk jemaah di kawasan Masjidil Haram kini lebih tersusun dan tidak sesak seperti musim-musim haji terdahulu.

"Langkah ini memberi ruang kepada jemaah dari seluruh dunia untuk menunaikan ibadah dalam suasana yang lebih tenang dan teratur tanpa sebarang gangguan. Malah, jemaah Malaysia rata-rata menyambut baik serta memuji pelaksanaan peraturan ini kerana ia banyak membantu kelancaran ibadah mereka," katanya. - ©BERNAMA

# Perodua jamin ciri keselamatan tinggi dalam pembangunan kereta EV pertama

**SERDANG,** 12 Mei. - Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) menegaskan bahawa aspek keselamatan menjadi keutamaan dalam pembangunan kenderaan elektrik (EV) pertamanya, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Zainal Abidin Ahmad.

Beliau berkata Perodua komited memastikan EV yang dijangka diperkenalkan hujung tahun ini mematuhi piawaian keselamatan yang ketat bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

Katanya prinsip keselamatan diutamakan diterapkan secara menyeluruh dalam setiap peringkat pembangunan produk Perodua, merangkumi aspek keselamatan produk, kilang serta pekerja.

"InsyaAllah, kita harap kenderaan yang akan dilancarkan nanti memenuhi piawaian keselamatan tertentu yang telah ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Skim Pelabelan Kenderaan Generasi Baharu Sukarela (NxGV) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas insiden melibatkan sebuah kereta EV jenama antarabangsa yang dilaporkan berhenti secara mengejut di lebuh raya, baru-baru ini.

Sebelum ini, media melaporkan sebuah keluarga berdepan detik cemas apabila kereta elektrik yang dinaiki mereka tiba-tiba membrek secara mengejut ketika dipandu di lorong kanan Lebuh Raya Cheras-Kajang pada 1 Mei lepas.

Pada 8 Mei lepas, Zainal Abidin berkata Perodua menyasarkan untuk memuktamadkan pengeluaran EV pertamanya pada Oktober, dengan pelan pemasaran menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata pada peringkat awal, EV berkenaan akan mempunyai lebih 30 peratus kandungan pemasangan tempatan, yang dihasilkan di kilang baharu Perodua di Rawang, Selangor, dengan anggaran harga di bawah RM80,000. - ©BERNAMA

# Latihan Tentera Udara Korea Selatan disambung semula susulan insiden pengeboman

**SEOUL**, 12 Mei. - Tentera Udara Korea Selatan akan menyambung semula kebanyakan latihan tembakan menggunakan bom sebenar mulai minggu ini, menurut pegawai kira-kira dua bulan selepas menggantung latihan itu berikutan insiden dua jet pejuang secara tidak sengaja menggugurkan bom di kawasan awam pada Mac lepas.

Menurut Agensi Berita Yonhap, Tentera Udara Korea Selatan dalam kenyataan kepada media menyatakan pihaknya akan meneruskan latihan menggunakan bom hidup itu secara berturut-turut minggu ini di kawasan latihan di pantai barat dan kawasan pergunungan di wilayah Gangwon.

Pada 6 Mac, dua jet pejuang KF-16 secara tidak sengaja menggugurkan lapan bom MK-82 di luar kawasan latihan di Pocheon, kira-kira 40 kilometer di utara Seoul, mengakibatkan 52 orang cedera dan memaksa Tentera Udara menggantung semua latihan menembak hidup.

Tentera Udara berkata mereka telah melengkapkan penilaian keselamatan di kemudahan latihan sebelum menyambung semula latihan-latihan menggunakan bom hidup, yang penting bagi mengekalkan tahap kesiapsiagaan ketenteraan.

Bagaimanapun, latihan menggunakan bom sebenar di Seungjin Fire Training Field di Pocheon akan terus digantung buat masa ini dan Tentera Udara akan meneliti semula isu berkenaan dari semasa ke semasa.

Tentera Udara dan Kementerian Pertahanan menyatakan insiden pengeboman yang tidak pernah berlaku itu berpunca daripada kesilapan juruterbang yang dipercayai tersilap memasukkan koordinat sasaran sebelum latihan dijalankan.

Kedua-dua juruterbang berkenaan telah dikenakan pertuduhan kecuaian profesional sehingga menyebabkan kecederaan dan kerosakan pada kemudahan ketenteraan. Mereka turut digantung tugas penerbangan selama setahun. - ©BERNAMA

# Trump akan tandatangani perintah eksekutif kurangkan harga ubat sehingga 80 peratus

**ISTANBUL**, 12 Mei. - Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump pada lewat Ahad mengumumkan bahawa beliau akan menandatangani satu perintah eksekutif berskala besar bagi mengurangkan harga ubat yang memerlukan preskripsi di negara itu sehingga 80 peratus, menyifatkannya sebagai antara Perintah Eksekutif paling penting dalam sejarah negara kita, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Selama bertahun-tahun dunia tertanya-tanya mengapa ubat yang memerlukan preskripsi dan farmaseutikal di AS HARGANYA JAUH LEBIH TINGGI berbanding negara lain," tulis Trump dalam satu hantaran di platform Truth Social miliknya.

Beliau berkata perintah eksekutif itu, yang dijadual ditandatangani pada Isnin 9 pagi (1300GMT) di Rumah Putih, akan memperkenalkan 'Dasar Negara Paling Digemari' - satu model penetapan harga yang memastikan AS tidak membayar lebih tinggi daripada harga terendah bagi ubat sama di mana-mana negara maju lain.

"Harga ubat yang memerlukan preskripsi dan farmaseutikal akan DIKURANGKAN, hampir serta-merta antara 30 peratus hingga 80 peratus," katanya lagi.

"Harga ini akan meningkat di seluruh dunia bagi tujuan penyelarasan dan buat pertama kali dalam beberapa dekad, memberikan KEADILAN KEPADA AMERIKA!"

Pakar dasar kesihatan berkata langkah itu boleh menjimatkan berbilion dolar untuk rakyat Amerika, namun mengingatkan kemungkinan tentangan daripada industri. - ©BERNAMA




# PELANCARAN BORNEO RUN HALF MARATHON EDISI KE-6



**TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Borneo Run Half Marathon Edisi Ke-6 (bawah dan kiri).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**JERUDONG**, Isnin, 12 Mei. - Borneo Run Half Marathon Edisi Ke-6 hari ini dilancarkan secara rasmi di Tarindak D'Polo Club and Riding Club Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan acara tersebut ialah Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Imam Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong, Awang Abdul Azim Haji Ismail, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengerusi Borneo Run Half Marathon, Pengiran Danny Pengiran Tajuddin antara lain mengongsikan acara ini mewujudkan sebuah platform yang bermakna untuk menyatukan masyarakat, menguji ketahanan diri dan mempromosikan kesejahteraan.

Majlis diteruskan dengan perasmian rekaan rasmi baju acara dan baju Half Marathon serta reka bentuk pingat penamat untuk tahun ini dan diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada semua penaja oleh tetamu kehormat.

Larian ini akan dijadualkan pada Ahad, 17 Ogos 2025 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Acara tahun ini menampilkan dua kategori perlumbaan kompetitif iaitu 21 kilometer (km) dan 10km dan satu acara larian santai sejauh 3km.

Bagi Kategori 21km dan 10km, hadiah wang tunai akan diberikan kepada tiga peserta lelaki dan wanita teratas.

Laluan bagi 21km yang bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, mengikuti laluan yang hampir sama dengan Brunei Half Marathon 2024 dan telah diukur serta disahkan secara rasmi oleh World Athletics.

Semua peserta yang mendaftar akan menerima pek perlumbaan termasuk baju acara rasmi, nombor perlumbaan dan pingat penamat. Selain itu, semua peserta yang menamatkan perlumbaan 21km dalam masa had waktu empat jam juga akan menerima baju 'T' penamat.

Baju acara dan baju 'T' penamat dihasilkan oleh Pressio, sebuah jenama pakaian sukan premium Eropah yang terkenal dengan pakaian berprestasi tinggi.

Pengumpulan Pek Pendaftaran Perlumbaan (REPC) akan diadakan pada Jumaat, 15 Ogos 2025, di Tingkat 2, The Mulia Hotel, dari jam 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung semula pada jam 2.00 petang hingga 9.00 malam.

Bagi peserta dari luar negara, perkhidmatan penghantaran pek perlumbaan tersedia pada Sabtu, 16 Ogos 2025. Perkhidmatan penghantaran boleh dilakukan melalui e-mel di *info@borneo-run.com*.

Borneo Run Half Marathon Ke-6 ini dibawakan oleh GoMamam dan disokong oleh AIA Singapore Private Limited disahkan oleh Persekutuan Atletik Brunei Darussalam dan disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 100PLUS, Air Minuman Ice Mountain, QAF Auto, Himalaya Sports, RSW Services, PPco, Mulia Hotel dan Kristal FM.

Tarikh akhir untuk pendaftaran adalah 30 Jun 2025. Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran, bolehlah melayari laman sesawang rasmi di *www.borneo-run.com*, mengikuti akaun Instagram di *@borneorun* atau menghubungi melalui e-mel di *info@borneo-run.com*.






| KED | KELAB | P | M | S | K | J | B | PG | MATA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | KASUKA & AR RAWDA | 12 | 12 | 0 | 0 | 90 | 23 | 67 | 36 |
| 2 | KAMPUNG BUANGKOK FC | 13 | 9 | 0 | 4 | 64 | 47 | 17 | 27 |
| 3 | ALMEREZ HITUNE FC | 11 | 8 | 0 | 3 | 64 | 38 | 26 | 24 |
| 4 | SHAH UNITED | 12 | 8 | 0 | 4 | 73 | 54 | 19 | 24 |
| 5 | MS ABDB | 12 | 6 | 1 | 5 | 55 | 46 | 9 | 19 |
| 6 | KOTA RANGER BK FC | 12 | 2 | 0 | 10 | 33 | 77 | -44 | 6 |
| 7 | DDT FC | 12 | 1 | 1 | 10 | 29 | 77 | -48 | 4 |
| 8 | ARBISYAM FC | 12 | 1 | 0 | 11 | 14 | 60 | -46 | 3 |







| KED | KELAB | P | M | S | K | J | B | PG | MATA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | GERGASI FC | 2 | 2 | 0 | 0 | 9 | 1 | 8 | 6 |
| 2 | SUPASTRIKAS | 2 | 0 | 1 | 1 | 3 | 5 | -2 | 1 |
| 3 | SPORTS SCHOOL FC | 1 | 0 | 1 | 0 | 2 | 2 | 0 | 1 |
| 4 | MIRI FA | 1 | 0 | 1 | 0 | 2 | 2 | 0 | 1 |
| 5 | SHADA FT | 1 | 0 | 1 | 0 | 1 | 1 | 0 | 1 |
| 6 | LIMBANG FA | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 7 | KASUKA FC | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 8 | PKT FT | 1 | 0 | 0 | 1 | 1 | 5 | -4 | 0 |

